




BIBD



2015

LAPORAN TAHUNAN



Isi Kandungan

- 01 **Visi & Misi**
- 02 **Pandangan Pengurusan**
- Pernyataan Pengurus
 - Prakata Pengarah Urusan
- 07 **Perihal Kami**
- Mantan Ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah
 - Lembaga Pengarah
 - Badan Penasihat Syariah
 - Barisan Pengurusan
 - Profil Korporat
 - Statistik: Prestasi Kewangan
- 20 **Tinjauan Perniagaan**
- Bahagian Perbankan Pelanggan
 - Bahagian Perbankan Korporat
 - Bahagian Perbankan Institusi
 - Bahagian Perbendaharaan & Pasaran Global
 - Bahagian Perbankan Perdagangan
 - Jabatan-Jabatan Sokongan
 - Bahagian Operasi & Teknologi
 - Bahagian Sumber Manusia
 - Bahagian Pengurusan Risiko
 - Jabatan Pemasaran
 - Bahagian Syariah
 - Unit Perhubungan Korporat
- 29 **Pencapaian**
- Pencapaian Penting
 - Tanggungjawab Korporat
 - Mengukuhkan Perhubungan Pelanggan
 - Membangunkan Produk & Perkhidmatan Inovatif
 - Program Ganjaran
- 44 **Aktiviti Korporat**
- Penglibatan Warga Kerja
 - Aktiviti Tahunan
 - Tanggungjawab Social Korporat
- 51 **Pencapaian dan Anugerah**



Pernyataan Pengerusi

Para Pemegang Saham Yang Dihargai,



Kami komited untuk memastikan bahawa keseimbangan ini kekal kukuh bagi BIBD untuk terus maju dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan kami dengan berkesan dan menyumbang ke arah visi jangka panjang Wawasan Brunei Darussalam 2035.

*Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh*

2015 merupakan satu tahun yang terkesan dengan ketidaktentuan. Harga tenaga di peringkat global yang lebih rendah, pendapatan komoditi yang merosot dan kelemahan pasaran baru muncul telah menjelaskan pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, ringgit Brunei yang agak kukuh dan rizab jangka panjang Kerajaan telah membantu mengurangkan risiko di sepanjang tahun ini.

Dengan latar belakang yang mencabar ini, Alhamdulillah, BIBD telah menunjukkan prestasi yang mengagumkan pada tahun dalam kajian. Kita berjaya melaksanakannya dengan berpandukan tema tahun ini iaitu "Meniti Peningkatan Baru dan Mencapai Aspirasi". Ini memberikan kami inspirasi untuk menyesuaikan diri dan menjadi fleksibel dalam menghadapi cabaran di sekeliling di samping memberi tumpuan kepada matlamat untuk meneruskan trajektori pertumbuhan.

Dalam mengharungi pelbagai kitaran ekonomi, BIBD telah berkembang dengan memanfaatkan kekuatan asas yang berakar umbi dalam nilai-nilai KeBruneian kami. Kami telah mengakhiri tahun ini dengan penuh bermakna sambil mengimbang kembali kepada perkembangan transformasi dan pencapaian BIBD sejak lebih tiga dekad, dan hasilnya dapat dilihat pada hari ini, dimana BIBD kini adalah sebuah bank utama di Brunei Darussalam dan bank Islam terkemuka di rantau ini. Melalui pelaksanaan jenama "Berjiwa KeBruneian" yang diterapkan

di dalam kesemua usaha kami, kami komited untuk terus membina ekuiti BIBD dan untuk kekal relevan kepada para pelanggan kami menerusi inovasi produk dan perkhidmatan, untuk beberapa dekad akan datang.

Perjalanan transformatif kami mencapai kemuncaknya dengan pelancaran Ibu Pejabat dan Cawangan Utama BIBD yang baru diubahsuai, oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Ibu Pejabat BIBD, pertama kali dibuka pada tahun 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan sehingga kini kekal menjadi asas perkembangan rangkaian perbankan kami yang meluas.

Mengimbangi pertumbuhan dengan daya tahan kewangan

Budaya pematuhan yang kukuh dan amalan pengurusan yang berhemat dalam memastikan kestabilan kewangan, saling melengkapkan aspirasi kami untuk mengembangkan perniagaan kami. BIBD telah diberikan penarafan tertinggi (top-rated) bank di Negara Brunei Darussalam oleh Standard & Poor's, sebagai pengiktirafan terhadap kedudukan modal yang kukuh, profil kecairan yang teguh, nisbah pembiayaan yang rendah berbanding deposit dan keupayaan pembiayaan yang jitu.

Asas teguh ini telah membolehkan BIBD berkembang maju di dalam negara sehingga kini

dan mengorak langkah untuk mencapai aspirasi bagi melanjutkan penawaran pembiayaan Islam kami kepada kelompok global yang lebih meluas. Pada tahun 2015, kami telah membuka sebuah pejabat perwakilan di Singapura yang menjadi pusat strategik kami di luar negara untuk menyokong keperluan para pelanggan serantau dan mempromosi rangkaian penawaran BIBD. In shaa Allah, kami akan membuka sebuah pejabat perwakilan di Dubai tidak lama lagi, untuk lebih mendekatkan kami kepada para pelanggan yang berada di negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Pertumbuhan yang berterusan ini terhasil berikutan usaha yang kami semai dan pupuk dalam memastikan kesemua langkah berhemah kami ini adalah seimbang dengan kemajuan dan inovasi. Kami komited untuk memastikan bahawa keseimbangan ini kekal kukuh bagi BIBD agar dapat terus maju dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada para pelanggan kami, dan menyumbang ke arah visi jangka panjang Wawasan Brunei Darussalam 2035.

Melihat ke hadapan untuk tahun 2016

Tahun mendatang menjangkakan satu lagi tahun yang mencabar, namun kami akan terus menilai peluang-peluang yang terdapat di sebaliknya. Kami memiliki asas yang kukuh dan sentiasa berpandangan jauh dalam pendekatan perniagaan kami. Kami akan terus memantau dan melaksanakan ujian tekanan untuk menilai dan mengatasi sebarang kelemahan berikutan ketidaktentuan pasaran yang masih berterusan. Kami komited kepada pendekatan berdisiplin dalam amalan pengurusan risiko

dan pembiayaan untuk mengekalkan kedudukan modal yang kukuh.

Kemajuan teknologi akan terus menjadi ciri asas yang kukuh dalam perjalanan transformatif kami untuk masa hadapan bagi membolehkan kami menjadi lebih cekap. Tonggak hasil kita kekal teguh dan kita akan terus memperjuangkan pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana di dalam negara serta mempelbagaikan portfolio segmen perniagaan.

Apa yang penting, kami akan terus memberi tumpuan untuk memantap dan meningkatkan pengalaman para pelanggan kami, dengan memberikan mereka produk dan perkhidmatan yang dapat menyokong keperluan kewangan serta memenuhi matlamat peribadi dan perniagaan mereka. Kami berhasrat untuk menjadi bank pilihan pertama bagi pelanggan, rakan perniagaan dan warga kerja kami serta akan memastikan kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini akan dapat membantu merealisasikan aspirasi tersebut.

Penghargaan

Saya ingin melahirkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Lembaga Pengarah atas sokongan dan nasihat strategik mereka. Saya dan pihak Lembaga Pengarah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Javed Ahmad, yang telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Urusan BIBD pada 30 November 2015, atas komitmen dan sumbangan beliau disepanjang tempoh perkhidmatan bersama BIBD. Kami juga mengalu-alukan pelantikan Mubashar Khokhar sebagai Pengarah Urusan baru, dan kami berharap dengan pucuk pimpinan

beliau, akan dapat membawa BIBD meniti ketahap yang lebih tinggi lagi.

Ahli Lembaga Pengarah dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kerja BIBD yang telah menyempurnakan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan kewibawaan yang tinggi, dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan kami. Dengan bimbingan pasukan pengurusan yang kukuh dan warga kerja yang berdedikasi, In shaa Allah, kami percaya bahawa kita berada pada kedudukan yang teguh untuk menghadapi apa jua cabaran dan memberikan pulangan kepada pihak-pihak kepentingan kita. Saya berterima kasih di atas kegigihan mereka sepanjang tahun 2015 dan mengalu-alukan sumbangan berterusan untuk tahun-tahun mendatang.

Saya turut berterima kasih kepada para pemegang saham dan pelanggan, di atas sokongan dan kepercayaan mereka yang berterusan kepada kami. Kami akan sentiasa komited untuk meningkatkan nilai ekuiti awda.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan para pengawal selia, atas sokongan, bimbingan dan kepercayaan mereka yang berterusan kepada kami.

*Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu
'Alaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh*

Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah
Menteri Pembangunan
Pengerusi

Prakata Pengarah Urusan

Para Pemegang Saham Yang Dihargai



*Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh*

Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk menyampaikan mesej pertama saya kepada awda sebagai Pengarah Urusan BIBD dengan membentangkan Laporan Kewangan bagi tahun 2015. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Lembaga Pengarah kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk melaksanakan tanggungjawab bagi memimpin organisasi yang ulung ini.

Di Brunei Darussalam, kami terus menyaksikan perkembangan dalam usaha berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi negara bagi mencari sumber pendapatan bukan minyak, memandangkan pengeksport komoditi tersebut berhadapan dengan ketidaktentuan harga tenaga yang rendah.

Walau apapun keadaan dinamik luaran, BIBD kekal komited untuk mengenal pasti dan merebut peluang-peluang yang ada.

Bahagian kumpulan turut berhadapan dengan berbagai cabaran pada tahun 2015. Ekonomi global menyaksikan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 3% manakala aktiviti ekonomi di pasaran baru muncul merosot. Sentimen para pelabur dan perniagaan terjejas akibat kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi global yang berpanjangan dan langkah rasionalisasi modal berikutnya jangkaan langkah Rizab Persekutuan menaikkan kadar faedah di Amerika Syarikat sebelum akhir tahun. Di Brunei Darussalam, kami terus menyaksikan perkembangan dalam usaha berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi negara bagi mencari sumber pendapatan bukan minyak, memandangkan pengeksport komoditi tersebut berhadapan dengan ketidaktentuan harga tenaga yang rendah. Kesemua faktor ini memberi kesan kepada sektor perbankan, menyebabkan kos pembiayaan dan modal yang lebih tinggi, dan menambah tekanan ke atas margin operasi.

Walau apapun keadaan dinamik luaran, BIBD kekal komited untuk mengenal pasti dan merebut peluang-peluang yang ada. Kami telah mengukuhkan penawaran perbankan kami dalam segmen perniagaan utama, kecemerlangan perkhidmatan dan juga keupayaan perniagaan. Hari ini, BIBD kekal sebagai bank terbesar di Brunei Darussalam dengan asas aset sebanyak \$7.5 bilion, dan diberi penilaian sebagai bank terbaik oleh agensi penarafan kredit antarabangsa. Kami berdepan dengan cabaran pada tahun ini,

menerusi penerapan nilai-nilai “Berjiwa KeBruneian”, di mana kami telah menggunakan pendekatan berhati-hati dan berhemat untuk memastikan kami akan terus menguasai pertumbuhan dan kemampunan jangka panjang, dalam semua yang kami laksanakan.

Prestasi yang berdaya tahan walaupun dalam persekitaran yang mencabar

Walaupun beroperasi dalam keadaan yang mencabar, saya sukacita melaporkan bahawa BIBD sekali lagi menunjukkan prestasi yang mengagumkan dengan peningkatan sebanyak 20% dalam keuntungan Bank, yang berjumlah \$100.6 juta pada tahun 2015 berbanding dengan \$83.9 juta pada tahun 2014. Secara keseluruhan, Kumpulan mengekalkan prestasi dengan keuntungan sebanyak \$106.7 juta pada tahun 2015 berbanding dengan \$111.5 juta pada tahun 2014, mencatatkan penurunan kecil sebanyak 4.3%. Jumlah aset menyusut sebanyak 3% dan 2% masing-masing bagi Bank dan Kumpulan. Kami terus mengekalkan amalan berhemat dengan membuat perhitungan yang mencukupi untuk rosotnilai pembiayaan, pendahuluan dan pembiayaan, dan pulih semula yang lebih rendah, berikutan persekitaran ekonomi yang mencabar berbanding tahun 2014.

Hasil daripada segmen perniagaan kami adalah positif, dengan peningkatan sebanyak 8% daripada Perbankan Pengguna dan 51% daripada Perbankan Institusi, manakala Perbankan Korporat mengekalkan hasil berjumlah \$47 juta, berbanding tahun 2014. Secara keseluruhan, pertumbuhan dalam hasil daripada segmen perniagaan mengimbangi kos dana yang meningkat. Kami mengamalkan disiplin yang ketat dalam menguruskan kos dan memiliki nisbah kos-kepada-pendapatan yang terendah dalam industri kewangan pada kadar 40%.

Kami telah meningkatkan bahagian pasaran kepada lebih 55% melalui usaha bersepudu daripada petunjuk pihak perniagaan kami untuk mengembangkan asas pelanggan menerusi inovasi produk dan perkhidmatan. Kami juga secara teliti menyusun semula komposisi

segmen kami bagi melaksanakan usaha yang berterusan dalam mempelbagaikan ekonomi negara, dan bagi menghadapi ketidakstabilan kewangan dalam segmen-segmen bertumpu, melangkah ke hadapan.

Ini merupakan tahun kedua laporan kewangan menggunakan piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), yang memberikan lebih ketelusuran dan perbandingan antarabangsa yang berdasarkan piawaian global. Kepatuhan tadbir urus Syariah yang ketat telah meletakkan kami sebagai sebuah bank yang bertanggungjawab secara etika kepada semua, di mana nisbah kecukupan modal yang mantap sebanyak 23.8% adalah melebihi purata yang ditetapkan untuk peraturan kawal selia dan industri, dan adalah lebih daripada mencukupi untuk mengekalkan modal.

Inovasi dan pemahaman pelanggan yang mendalam kekal memacu prestasi

Kami terus melabur dalam infrastruktur dan inovasi untuk memastikan bahawa kami sentiasa menawarkan penyelesaian yang relevan dan tepat pada masanya kepada para pelanggan kami, berikutan keadaan pasaran yang sentiasa berubah. Teknologi kekal sebagai wadah untuk mendorong kecekapan operasi dan menyediakan pengalaman pelanggan yang berbeza.

Dalam memenuhi keperluan para pelanggan yang mahukan pengalaman digital yang lebih memuaskan, di samping kepelbagaiannya gaya hidup yang semakin pesat, kami telah menaik taraf dan menyusun semula keupayaan digital untuk memastikan pelanggan kami dapat menjalankan transaksi perbankan mereka dengan mudah. Penambahbaikan ini termasuk memperkenalkan platform perbankan digital yang membolehkan pendaftaran pelanggan baru dibuat dengan lebih cepat dan mudah serta memenuhi keperluan perbankan pelanggan sedia ada secara digital, tanpa perlu mengisi boring secara manual. Para pelanggan juga kini dapat berhubung dengan pegawai khidmat pelanggan kami dalam masa nyata menerusi ciri "Instant Secure Digital Chat", yang diperkenalkan pada aplikasi mudah alih kami.

Dari aspek Perbankan Institusi, pemahaman pelanggan yang mendalam telah membolehkan kami untuk membuat pengstrukturkan akaun pelaburan perkongsian keuntungan terhad dengan bank rakan niaga di rantau ini, di mana kami juga menyediakan perkhidmatan sebagai penasihat Syariah. Ini adalah inisiatif yang pertama seumpamanya di Brunei Darussalam yang dikendalikan bersama bank rakan niaga, yang mencerminkan keupayaan kami untuk menawarkan penyelesaian kewangan yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan para pelanggan kami.

Menyokong agenda negara untuk pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi kekal menjadi tumpuan utama kami di BIBD. Cadangan yang disediakan oleh Bahagian Perbankan Korporat adalah berdasarkan falsafah untuk menawarkan penyelesaian holistik kepada perniagaan di setiap peringkat perkembangan mereka, dari awal operasi mereka sehingga menjadi sebuah syarikat besar. Kami memahami cabaran yang mereka hadapi, keperluan serta aspirasi mereka dan telah memantapkan penawaran kami kepada pelanggan dari segmen ini, sekaligus ianya telah meningkatkan portfolio kami sebanyak 6% kepada \$775 juta. Penguasaan pasaran kami melonjak kepada 46.5% pada tahun 2015 berbanding 43.6% pada tahun 2014.

Bagi bahagian Perbankan Pengguna pula, kami telah memantapkan posisi nilai kami dengan meningkatkan ciri-ciri rangkaian penuh produk kami dan meuar-uarkannya melalui kempen pemasaran yang dipacu analisis. Kami memberi ganjaran kepada pelanggan kami melalui program kesetiaan dan peluang menarik untuk mengambil bahagian dalam pertandingan, di samping mempromosikan produk kewangan yang disediakan khusus mengikut keperluan mereka. Kami berjaya meraih penguasaan pasaran sebanyak 55%, sekaligus memantapkan kedudukan kami yang sedia kukuh sebagai peneraju dalam Perbankan Pengguna. Skor tertinggi yang diterima daripada kaji selidik kepuasan pelanggan dari kalangan semua bank di Asia Tenggara, yang dikendalikan oleh agency

ACORN, telah mengesahkan bahawa kami sememangnya amat memahami pelanggan kami. Usaha kami diiktiraf apabila The Asian Banker memberikan anugerah berprestij "The Best Retail Bank" di Brunei untuk tiga tahun berturut-turut. Anugerah ini mengiktiraf usaha kami dalam membangunkan kampanpan francais jangka panjang dengan pulangan keuntungan yang tinggi dan juga kerana kami memahami pelanggan kami.

Kesemua usaha ini menyaksikan BIBD meningkatkan penguasaan pasaran kepada 55% dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai bank pilihan pelanggan di Brunei Darussalam.

Diiktiraf di persada antarabangsa untuk pengurusan kewangan yang teguh

Ia adalah satu pencapaian yang membanggakan bagi kami apabila agensi penarafan kredit antarabangsa, Standard & Poor's (S&P) mengesahkan kedudukan BIBD sebagai bank teratas di Brunei Darussalam dengan penarafan A-. Ini jelas membutkan bahawa pengurusan kewangan BIBD yang jitu, telah membolehkan pihak Bank untuk memenuhi komitmen kewangannya. Ia adalah satu perakuan yang sangat bermakna bagi kami kerana ia merupakan pengesahan kepada langkah tadbir urus yang ketat dalam pengurusan perniagaan kami, yang telah megukuhkan kedudukan kami sebagai bank yang paling selamat dan mendapat penarafan tertinggi di Brunei, sekaligus meletakkan kami setanding dengan bank-bank utama di rantau ASEAN.

In shaa Allah, saya yakin dengan amalan tadbir urus yang ketat dan budaya pematuhan berdisiplin yang berterusan, kami akan dapat terus mengimbangi hasrat para pemegang saham bagi kemampunan pulangan dan sikap berhemah yang tinggi.

Memberikan nafas antarabangsa kepada penawaran kami

Kepesatan kemajuan kewangan Islam telah mencapai satu dimensi baru berikutan integrasi yang lebih kukuh ke dalam sistem kewangan antarabangsa. Pertambahan kadar penyertaan

asing yang lebih tinggi telah menyebabkan aliran merentas sempadan turut meningkat.

Bagi mengambil kesempatan daripada melonjaknya minat terhadap penyelesaian pembayaran yang lebih beretika bertanggungjawab di peringkat antarabangsa, kami telah menujuhkan sebuah pejabat perwakilan di Singapura untuk memenuhi penyediaan analisis untuk potensi ini dan juga untuk mempromosikan kepakaran kami dalam bidang ini. Singapura telah dipilih kerana ia adalah pusat strategik bagi pasaran kewanginan antarabangsa di rantau ini dan dengan memiliki matawang yang boleh ditukar ganti, kami berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan semua peluang yang ada.

Pejabat kami di Singapura menetapkan haluan bagi kami untuk meluaskan kehadiran di pasaran global utama yang lain, dan In Shaa Allah, kami akan membuka sebuah lagi pejabat antarabangsa di Timur Tengah tidak lama lagi.

Pelaburan dalam modal insan

Hanya menerusi komitmen dan dedikasi warga kerja, yang akan membolehkan kami memacu perniagaan untuk maju ke hadapan dan membina nilai jangka panjang bagi pemegang saham dan memenuhi keperluan pelanggan yang kami hormati. Di BIBD, kami percaya bahawa pembelajaran berterusan dan usaha untuk memperkembangkan bakat adalah perlu untuk mewujudkan inovasi dan produktiviti. Kami melabur dalam warga kerja kami dengan memupuk persekitaran yang menggalakkan dan memberi ganjaran kepada pembelajaran dan pembangunan yang berterusan.

Kami memiliki program latihan dan pembangunan yang menangani kedua-dua perbankan teras dan kemahiran insaniah yang diperlukan, untuk melahirkan pegawai bank yang berkemahiran pada hari ini dan masa hadapan. Kami menjalin kerjasama erat dengan pakar industri terkemuka seperti “Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)” dan “Financial Planning Association of Malaysia (FPAM)” untuk merangka program yang bersesuaian pada setiap peringkat pertumbuhan warga kerja kami.

Perancangan penggantian (Succession Planning) adalah penting kepada sebuah Bank yang memiliki warisan yang panjang dan kaya seperti BIBD, bagi memastikan pertumbuhan mampan yang berterusan untuk beberapa dekad yang mendatang. Ramai warga kerja BIBD yang berbakat telah dinaikkan pangkat dan kini mejawat jawatan penting didalam Bank. Pada tahun 2015, kami memperkenalkan Program Kepimpinan untuk memastikan warga kerja kami mempunyai peluang yang cerah pada hari ini untuk maju dan menjadi pemimpin yang disegani pada hari esok. Sebagai permulaan, saya merasa bangga melihat seramai 24 orang bakat BIBD yang telah dikenalpasti sebagai perintis program ini. Bakat kepimpinan kami juga berpeluang untuk mendapat pendedahan global melalui inisiatif peminjaman pekerja diperingkat antarabangsa, dan kami akan meluaskan program ini kepada lebih banyak pasaran pada tahun 2016.

Usaha kami ini telah membentuk tenaga kerja yang aktif dan bermotivasi, seperti yang dinyatakan dalam Kaji Selidik Penglibatan Pekerja 2015 oleh Towers Watson. Kami akan terus memperkasakan warga kerja kami, kerana kami percaya bahawa kemajuan kami akan tercapai apabila warga kerja kami juga turut maju.

Memandang ke Hadapan

Kedaan ekonomi yang mencabar pada tahun 2015 dijangka berterusan pada tahun 2016. Yang pasti, kami akan terus berhadapan dengan lebih banyak rintangan yang timbul daripadanya. Apa yang penting bagi kami adalah untuk melindungi kepentingan para pemegang saham dengan mengekalkan kunci kira-kira dan kecekapan modal Kumpulan. Kami akan terus berhati-hati dalam menjalankan pengawasan portfolio untuk penilaian risiko yang berterusan. Walaupun kami tidak boleh mengawal faktor-faktor luaran, namun kami masih boleh mengawal proses dalaman untuk mengurus aset secara proaktif, melalui rangka kerja pengurusan risiko yang mantap. .

Oleh itu, kami perlu pantas untuk merebut kesempatan daripada peluang-peluang yang

ada. 2016 akan menjadi satu tahun di mana kami akan menyusun semula keupayaan kami, agar segala usaha yang dirancang adalah sejajar dengan usaha bagi menjadikan BIBD sebagai pilihan pertama pelanggan, warga kerja dan pemegang saham kami. Kami akan mengukuhkan mobiliti dan akses kepada produk dan perkhidmatan kami, di samping memastikan inovasi kami menjurus kepada penawaran produk dan perkhidmatan yang relevan.

Keupayaan teknologi akan menjadi faktor utama yang akan terus kami manfaatkan untuk mentakrifkan semula cara kami melaksanakan perniagaan. Kami akan meningkatkan usaha penjenamaan kami, sambil meneruskan inisiatif pembangunan komuniti.

Secara peribadi, saya merasa bangga dapat menyertai bank yang menerajui pasaran di Negara Brunei Darussalam dan berharap untuk sama-sama berusaha bagi merealisasikan aspirasi BIBD dan negara. Tahap tenaga dan semangat tinggi yang wujud di kalangan warga kerja dan pihak pengurusan yang penuh bermotivasi, akan memacu BIBD ke tahap yang lebih tinggi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurus dan Lembaga Pengarah BIBD atas panduan dan sokongan padu mereka.

Kepada semua pelanggan dan pemegang saham, kami ingin mengesahkan komitmen kami untuk berkhidmat untuk awda dan membangunkan nilai yang lebih besar lagi. Terima kasih atas kepercayaan dan sokongan awda kepada kami.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terutamanya kepada Kementerian Kewangan dan pengawal selia kami atas kepercayaan dan sokongan padu mereka kepada kami.

*Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu
'Alaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh*

Setinggi-tinggi Penghargaan

Mantan Ahli Lembaga Pengarah



**Yang Mulia Abdulaziz
Mohammed Alsubeaei**
Lembaga Pengarah
Syarikat Pelaburan
Mohammed Alsubeaei & Sons
(MASIC)
Pengarah



Yang Mulia Javed Ahmad
Pengarah Urusan BIBD
Pengarah

Mantan Ahli Badan Penasihat Syariah



**Yang Dimuliakan
Pehin Orang Kaya
Paduka Setia Raja
Dato Paduka Seri Setia
Haji Awang Suhaili bin Haji
Mohiddin**
Hakim Mahkamah Rayuan
Syariah
Pengerusi



**Yang Mulia
Dr. Haji Mazanan bin Haji
Yusof**
Ketua Penyelidikan di Jabatan
Mufti Kerajaan
Ahli



**Yang Mulia
Awang Haji Hardifadhillah
bin Haji Mohd Salleh**
Ketua Pegawai Penguatkuasaan
Agama, Kementerian Hal Ehwal
Ugama
Setiausaha Bersama



Lembaga Pengarah



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah
Menteri Pembangunan
Pengerusi

Yang Berhormat Dato Bahrin pada masa ini menjawat jawatan Menteri Pembangunan. Sebelum ini, Yang Berhormat Dato memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Kewangan, setelah memegang beberapa jawatan kanan di Kementerian Kewangan dan Agensi Pelaburan Brunei (BIA). Yang Berhormat Dato juga merupakan Pengerusi bagi Darussalam Assets Sdn Bhd, Strategic Development Capital Fund, Royal Brunei Airline Sdn Bhd (Syarikat Penerbangan Negara Brunei Darussalam), Brunei Shell Joint Venture Companies (BSJVs), Brunei National Petroleum Company (Petroleum BRUNEI), dan juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa buah Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Yang Berhormat Dato memegang kelulusan MBA dalam Strategic Management (Pengkhususan dalam Kewangan) dari University of Strathclyde, Scotland.



Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri
Pemangku Pengarah Urusan,
Agensi Pelaburan Brunei (BIA)
Pengarah

Yang Mulia Awang Junaidi merupakan Pemangku Pengarah Urusan di BIA. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah dan Ketua Venture Capital and Strategic Investments, mengurus pelaburan-pelaburan BIA di peringkat global. Dia juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di Fajr Capital sebagai wakil kerajaan Negara Brunei Darussalam. Awang Junaidi adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengurusan Sains dan Komputer dari Keele University, United Kingdom.



Yang Mulia Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan
Ketua Pegawai Eksekutif,
Fajr Capital PLC
Pengarah

Yang Mulia Dato Iqbal adalah Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi BIBD, GEMS Education, Jadwa Investment, MENA Infrastructure and National Petroleum Services. Sebelum ini, beliau adalah pengasas Ketua Pegawai Eksekutif di HSBC Amanah, Bahagian perkhidmatan kewangan Islam global bagi Kumpulan HSBC.

Beliau adalah seorang penyokong kukuh industri perkhidmatan kewangan Islam, dan berkhidmat sebagai penasihat kepada inisiatif-inisiatif kerajaan di Brunei Darussalam, Malaysia, Arab Saudi, UAE dan UK. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Politik dan Perhubungan Antarabangsa, dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Fizik dan Kimia, kedua-duanya dari Aligarh Muslim University.



Yang Mulia Dr. Jan Hendrik (Hennie) van Greuning
Pengarah & Pengerusi Komiti Audit, Kewangan dan Risiko BIBD

Yang Mulia Dr. Hennie van Greuning berkhidmat sebagai Pengarah bukan eksekutif bebas dalam Lembaga Pengarah BIBD. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Penasihat Kanan di Perbendaharaan Bank Dunia, dengan memberi tumpuan terhadap isu-isu Pengurusan Risiko Operasi dalam Perbendaharaan dan juga Perbankan Islam. Beliau adalah ahli Lembaga FirstRand Limited (syarikat induk bank yang disenaraikan di Afrika Selatan). Dr. van Greuning pernah mengajar kelas Sarjana dalam Kewangan di George Washington University selama beberapa tahun dan menjadi pengarang bersama enam edisi penerbitan World Bank berhubung dengan Laporan Piawaian Kewangan Antarabangsa (IFRS - Satu Panduan Praktikal).

Dato Iqbal merupakan penerima bagi beberapa anugerah industry dan global, termasuk Royal Award for Islamic Finance daripada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia. Beliau dikurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang disampaikan oleh HH Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai.



Yang Mulia Dr. Abdul Manaf bin Haji Metussin
Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Pengarah

Yang Mulia Dr. Manaf sebelum ini dilantik sebagai Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif di Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei, selepas berkhidmat selama tujuh tahun, di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) di Pejabat Perdana Menteri, memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Perancangan, dan seterusnya menjadi Pengarah Dasar dan Penyelaras. Di awal kariernya, beliau pernah menjadi Timbalan Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Dasar di Universiti Brunei Darussalam. Di peringkat antarabangsa, Dr. Manaf pernah terlibat sebagai ahli NETWORK bagi NETWORK of EAST ASIA THINK TANKS (NEAT), serta kumpulan EAST ASIA VISION. Beliau kini adalah ahli lembaga bagi Sungai Liang Authority, Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS), dan ahli kehormat lembaga gabenor Sekolah YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dr. Manaf mempunyai ijazah Kejuruteraan Mekanikal dari University of Leeds, UK, Sarjana Sains Kejuruteraan Pembuatan Sistem dari Universiti Bradford, UK dan Doktor Falsafah dalam Pengurusan dari University of Kent, United Kingdom.



Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim
Ketua Seksyen (Pelaburan), Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan Pengarah Alternatif bagi Awang Junaidi bin Haji Masri

Yang Mulia Awang Mozart pernah berkhidmat sebagai Pengurus Kanan di Venture Capital and Strategic Investment di BIA, dan telah menguruskan pelaburan-pelaburan BIA di peringkat global. Awang Mozart adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Sivil dan Alam Sekitar dari Universiti Leeds, United Kingdom.



Yang Mulia Mubashar Khokhar Pengarah Urusan BIBD

Yang Mulia Mubashar Khokhar merupakan profesional perkhidmatan kewangan yang berpengalaman dengan lebih daripada tiga puluh dua tahun meliputi lima belas pasaran maju dan baru muncul, termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Asia, Afrika dan negara anggota Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC).

Sebelum Fajr Capital, Mubashar Khokhar merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Ajman Bank sebuah bank yang diseranai awam yang patuh Syariah di UAE, dan juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badr Al-Islami/ Mashreq Al-Islami, sebuah anak syarikat milik penuh MashreqBank.

Semasa pentadbirannya, Mashreq Al-Islami dan Ajman Bank menerima pengiktirafan industri yang meluas, ini termasuk anugerah 'Best Domestic Bank. Mubashar Khokhar sebelum ini pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Badr Al-Islami dan Saudi American Bank (SAMBA) Pakistan Ltd, dan memegang jawatan kanan di American Express Bank dan Bank of America. Beliau berkelulusan MBA dan BBA (Kepujian) dari Ohio University, Amerika Syarikat.

Ahli Lembaga Pengarah Baru

Yang Mulia Majed Nasser Alsubeaei
Lembaga Pengarah, Syarikat Pelaburan Mohammed Alsubeaei & Sons (MASIC) Pengarah

Yang Mulia Majed Alsubeaei adalah Pengarah Lembaga MASIC, ahli Jawatankuasa Audit Dalaman dan juga ahli Jawatankuasa Pampasan Sumber Manusia dan Pencalonan.

Majed Alsubeaei juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Nasser Alsubeaei Sons Investment Co, di mana beliau telah secara proaktif terlibat dalam pembangunan strategik dan operasi bagi syarikat tersebut.

Majed Alsubeaei mempunyai pengalaman dalam pengurusan projek hartanah, dan analisis kewangan. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dari King Saud University, Arab Saudi.

Badan Penasihat Syariah



Yang Mulia
Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama Pengerusi

Yang Mulia Dato Awang Haji Abdul Aziz adalah Setiausaha tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd dan Wafirah & Ghanim Sdn. Bhd. Sebelum ini, Yang Mulia Dato adalah Timbalan Pengurus, Badan Penasihat Syariah, sebelum menjadi Pengurus Badan tersebut. Yang Mulia Dato berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dari Universiti Al-Azhar, Mesir.



Yang Mulia
Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin Timbalan Mufti Kerajaan
Jabatan Muffi Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam Ahli

Yang Mulia Dr. Haji Japar adalah Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Beliau juga adalah Ahli kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, OIC Jeddah. Sebelum ini Dr. Japar adalah ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah di Kementerian Kewangan. Dr. Haji Japar, memegang Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Syariah dari Universiti Malaya, Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Falsafah) dari Universiti Al-Azhar, Mesir.



Yang Mulia
Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani Dekan, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ahli

Yang Mulia Dr. Abdul Nasir pada masa ini adalah Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Kepakaran beliau adalah dalam Fiqh Muamalat dan Ekonomi Islam. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat dari Universiti Sains Islam Malaysia, Ijazah Sarjana Ekonomi dan Perbankan Islam dari Universiti Yarmouk, Jordan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Brunei Darussalam. Dr. Abdul Nasir telah menulis beberapa buah buku dalam bidang ekonomi Islam dan aktif membuat pembentangan kertas kerja dalam bidang kewangan Islam di dalam dan luar Negara.

**Yang Mulia**

Dr. Dayang Hajah Rose binti Abdullah
Pensyarah Kanan,
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Sains
Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Ahli

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Rose adalah pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Sains, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Tamadun Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Ijazah Sarjana Perbankan Islam dan Kewangan dari Universiti Brunei Darussalam, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Heriot-Watt United Kingdom, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Diploma Lepasan Ijazah Perbankan Islam dan Insurans dari United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia. Beliau telah menulis beberapa buah buku dalam bidang ekonomi Islam dan aktif membuat pembentangan kertas kerja dalam dan luar negara mengenai Kewangan Islam. Sepanjang karjayanya, Dr. Hajah Rose pernah menerima anugerah "The Best Paper Award" (ketiga) di 5th Islamic Economic System Conference (iECONS 2013), Malaysia. "The Outstanding Paper" pada Anugerah Rangkaian Cemerlang Kesusteraan Emerald 2015 dan "The Best Paper Award" (pertama) pada 5th Islamic Economic System Conference (iECONS 2013), Malaysia.

**Yang Mulia**

Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar
Dekan Pelajar dan Pensyarah,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan (KUPUSB)
Ahli

Yang Mulia Dr. Haji Noralizam memegang Ijazah Doktor Falsafah Syariah (Pengkhususan Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti Jordan dan juga merupakan anak Brunei pertama memperolehi kelulusan Doktor Falsafah dari universiti tersebut. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Jordan dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Syariah Islamich dari Universiti Al-Azhar Mesir. Beliau sangat aktif dalam menyampaikan ceramah-ceramah ugama kepada awam, membuat pembentangan kertas kerja berhubung kewangan Islam dalam dan luar negara.

**Yang Mulia Dayang Hajah Hanifah binti Haji Jenan**

Ketua Shariah, BIBD
Setiausaha

Yang Mulia Hjh Hanifah mempunyai hampir sepuluh tahun pengalaman perbankan yang meliputi Penasihat Perundungan, Pemulihan, dan perkara-perkara berkaitan Perbankan Pengguna. Beliau pernah bertugas di bahagian Unit Kawalan Dokumentasi di Jabatan Syariah dan pernah mengendalikan tugas Takaful semasa berkhidmat di BIBD Takaful secara peminjaman dari BIBD.

Sebelum menyertai sektor perbankan, beliau bertugas selama tiga tahun mengamalkan undang undang Syariah, mengendalikan hal-ehwal perkahwinan dan jenayah Islam di mahkamah-mahkamah Syariah di Kuala Lumpur dan Brunei.

Hajah Hanifah berkelulusan Ijazah (Kepujian) Syariah dari Universiti Malaya dan Diploma dalam Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam dari IIUM. Beliau juga adalah Perancang Kewangan Islam bertaullah dari Al-Hijrah Consultancy dan kini sedang mengikuti Program Profesional Fiqh Muamalat di CIBFM Brunei.

Barisan Pengurusan



Yang Mulia Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan BIBD

Yang Mulia Mubashar Khokhar merupakan profesional perkhidmatan kewangan yang berpengalaman dengan lebih daripada tiga puluh dua tahun meliputi lima belas pasaran maju dan baru muncul, termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Asia, Afrika dan negara anggota Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC).

Sebelum Fajr Capital, Mubashar Khokhar merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Ajman Bank sebuah bank yang diseranai awam yang patuh Syariah di UAE, dan juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badr Al-Islami/Mashreq Al-Islami, sebuah anak syarikat milik penuh MashreqBank.

Semasa pentadbirannya, Mashreq Al-Islami dan Ajman Bank menerima pengiktirafan industri yang meluas, ini termasuk anugerah ‘Best Domestic Bank’. Mubashar Khokhar sebelum ini pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Badr Al-Islami dan Saudi American Bank (SAMBA) Pakistan Ltd, dan memegang jawatan kanan di American Express Bank dan Bank of America. Beliau berkelulusan MBA dan BBA (Kepujian) dari Ohio University, Amerika Syarikat.



Yang Mulia Hajah Noraini Haji Sulaiman
Ketua Pegawai Kewangan
merangkap Timbalan
Pengarah Urusan

Yang Mulia Hajah Noraini sebelum ini merupakan Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Takaful Brunei Darussalam, yang dipinjamkan dari BIBD.

Beliau juga merupakan Ketua Kewangan bagi Bank Islam Brunei, dan pernah memegang jawatan perakaunan dan kewangan lain di beberapa buah syarikat di Brunei Darussalam seperti Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd

Pada masa ini, beliau merupakan pengarah di BIBD At-Tamwil Berhad, BIBD Securities, Perkhidmatan Pengurusan IDBB, Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Pengerusi bagi Komiti Audit TAP. Beliau merupakan ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah dan juga ahli Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam.



Yang Mulia Dr. Gyorgy Ladics
Ketua Pegawai Operasi

Yang Mulia Dr. Gyorgy Ladics mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perbankan. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Pegawai Maklumat di Barclays – bagi rantaum pasaran baru muncl yang membolehkan beliau untuk menyediakan keupayaan perniagaan penting untuk Barclays bagi berkembang secara geografi dan memasuki pasaran baru seperti India, Pakistan, Rusia, dan melancarkan semula perniagaan di UAE, Mesir dan Uganda.

Beliau merupakan ahli utama bagi aktiviti-aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) serta integrasi untuk Barclays dan telah menyelesaikan integrasi bagi Uganda Nile Bank dan Rusia Expobank ke dalam Barclays.

Sebelum menyertai Barclays, beliau adalah Naib Presiden di Citigroup – Wilayah Eropah Tengah, dan memegang pelbagai jawatan kanan termasuk Ketua Operasi dan Teknologi Republik Czech, Ketua Teknologi untuk Wilayah Tengah Eropah, dan Pegawai Operasi Kanan Hungary.

Hasil kerja beliau di Eropah Tengah telah membawa kepada piawaian dan penghijrahan usaha ke dalam platform teknologi dan model operasi yang strategik untuk Citigroup. Manakala di Hungary, beliau juga menerajui usaha penyatuan teknologi bagi Bank Runcit ING ke dalam Citibank. Dr. Gyorgy Ladics memegang kelulusan Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Elektrik dan Informatik, dan Ijazah Doktor Falsafah dari Budapest University of Technology and Economics.



Yang Mulia Haji Minorhadi Haji Mirhassan
Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Projek Khas & Pengarah Urusan
BIBD Securities

Yang Mulia Haji Minorhadi mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam Perbankan Komersil, dengan 15 tahun khususnya bersama HSBC Brunei.

Beliau memegang beberapa peranan kepimpinan dalam Perbankan Runcit, Korporat dan Institusi. Beliau pernah menjadi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Islamic Development Bank of Brunei (IDBB) dan sebagai Setiausaha Kehormat dan Bendahari bagi Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB). Hj Minorhadi berkelulusan BTEC HND dalam Business and Finance dari Institut Teknologi Brunei dan Sarjana MBA dari Singapore Management University.



Yang Mulia Hak Yeung
Ketua Perbankan Perdagangan

Yang Mulia Hak Yeung mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam perkhidmatan Kewangan Korporat dan khidmat nasihat strategic. Dan berjaya menyampaikan khidmat nasihat kepada beberapa syarikat di seluruh Eropah dan Asia Timur.

Sebelum menyertai BIBD, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan UK dan Asia di goetzpartners Corporate Finance, sebuah firma penasihat bebas di Eropah. Fungsi-fungsi kawalan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan UK (kini Lembaga Kelakuan Kewangan) beliau termasuklah Ketua Eksekutif, Pematuhan Pengawasan dan Pelaporan Pengubahan Wang Haram.

Sebelum itu, beliau berkhidmat di Kumpulan CEA, sebuah perbankan pelaburan global dan kumpulan ekuiti swasta yang beribu-pejabat di Amerika Syarikat, yang memberi tumpuan kepada sector media, hiburan, telekom dan teknologi. Beliau juga pernah berkhidmat di NatWest Markets dan KPMG London. Hak Yeung juga merupakan akauntan bertauliahan yang berkelayakan yang memegang ijazah BSc (Kepujian) dalam Perbankan dan Kewangan Antarabangsa dari City University, London dan MSc dalam Ekonomi Pembangunan dari Oxford University.



Yang Mulia Imran Samee
Ketua Perbankan Retail

Yang Mulia Imran Samee membawa pelbagai pengalaman melebihi 20 tahun dalam Perbankan Pengguna dan Runcit. Beliau memulakan kerjayanya di Citigroup dan sejak itu telah memegang pelbagai jawatan kanan di bank-bank di seluruh Asia Pasifik dan Timur Tengah.

Sebelum menyertai BIBD, beliau telah membantu menubuhkan Al Khalij Commercial Bank di Qatar, memegang jawatan sebagai Ketua Kumpulan Perbankan Runcit dan kemudian sebagai Ketua Pegawai Eksekutif untuk anak syarikatnya, BetaQat. Beliau juga merupakan Ketua Kumpulan Perbankan Runcit untuk Dubai Bank dan menguruskan penukaran kepada operasi yang patuh-Syariah.

Dalam peranan beliau sebagai Pengurus Besar Negara Mashreqbank Qatar, beliau bertanggungjawab dalam membawakan transformasi kepada operasi Perbankan Pengguna secara penuh. Imran Samee memegang Ijazah BSc (Kepujian) dalam Ekonomi dan Political Science dari London School of Economics.

Barisan Pengurusan



Yang Mulia Koh Swam Sing
Ketua Perbankan Korporat

Yang Mulia Koh Swam Sing mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang Perbankan Korporat, juga dalam Operasi dan Risiko Kredit. Karier beliau bermula dengan The Island Development Bank Bhd pada tahun 1983, dimana beliau telah memegang pelbagai jawatan di cawangan operasi, pentadbiran dan pengurusan kredit.

Sebagai salah seorang perintis BIBD, beliau memainkan peranan penting dalam transformasi Bank ke arah perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam, dan dalam memperkenalkan beberapa kemudahan teras Bank.

Beliau kini mengetuai Bahagian Perbankan Korporat, yang bertanggungjawab untuk membina portfolio Perbankan Korporat, serta menyokong perniagaan tempatan bagi dapat menyumbang ke arah pertumbuhan infrastruktur Brunei Darussalam.



Yang Mulia Azmat Ashraf
Penasihat Perbankan Korporat

Yang Mulia Azmat Ashraf mempunyai tiga puluh tahun pelbagai pengalaman antarabangsa dengan First Chicago, Deutsche Bank, American Express, Arab Fransi dan Mashreq Bank di Timur Tengah dan Asia Selatan.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Urusan sebuah firma pembrokeran dan kewangan Islam. Beliau berjaya melaksanakan integrasi tempatan bagi cawangan Mashreq Bank di Pakistan dan penggabungannya dengan sebuah lagi bank domestik.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebuah bank komersil yang berperkhidmatan penuh, beliau mengetuai pengambilalihan dan penggabungan bagi bank-bank dan syarikat perkhidmatan kewangan lain. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi dari University College London dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Bradford.



Yang Mulia Dayangku Fatimah Pengiran Haji Jadid
Ketua Sumber-Sumber Manusia dan Modal Insan

Yang Mulia Dayangku Fatimah telah berkhidmat dalam industri perbankan sejak 1991. Beliau mulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Kanan dalam Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan berkhidmat selama 11 tahun. Beliau menjadi ahli Lembaga Temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang bertanggungjawab bagi pengambilan tenaga kerja (dalam dan luar negara) bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Sebelum menyertai BIBD, beliau adalah Ketua Sumber Manusia dan Pembangunan Pekerja di HSBC Brunei. Dayangku Fatimah memegang Sarjana Sains dalam Pemprosesan Maklumat dari University of York, UK dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Komputer dari University of Brighton, UK. Beliau merupakan seorang pengamal berlesen dalam penggunaan Alat Penilaian Saville & Holdsworth.



Yang Mulia Salman Ashraf Khan
Ketua Perbendaharaan dan Pasaran Global

Yang Mulia Salman Khan adalah pegawai pelaburan bank dengan pengalaman kerja yang melebihi 24 tahun di institusi yang berprofil tinggi seperti Deutsche Bank (sebagai Ketua Global Distribution Islam), HSBC, Standard Chartered, ABC dan kini BIBD.

Beliau pernah meliputi beberapa institusi kewangan global dalam tempoh masa 12 tahun yang lalu, termasuk EMEA dan wilayah ASEAN dan berkhidmat sebagai Bendahari bagi Dubai Islamic Bank dan Noor Islamic Bank. Beliau juga memainkan peranan penting dalam memperkenalkan beberapa struktur dan produk yang inovatif dalam ruang perbendaharaan.

Beliau merupakan pakar dalam bidang Perbendaharaan dan kerap menyampaikan ceramah mengenainya. Beliau berkelayakan dalam Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) dan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan berkelayakan PGD.



Yang Mulia Hein Jan Smit
Ketua Pegawai Risiko

Kerjaya perbankan Yang Mulia Hein Jan Smit sudah menjangkau lebih 18 tahun. Beliau memulakan kerjayanya dengan ABN AMRO Bank, Belanda, pada tahun 1997 sebagai Pelatih Pengurusan. Pada tahun 2004, beliau telah ditukarkan ke Singapura bertindak sebagai Ketua Audit Asia bagi keseluruhan Perbankan Komersial dan Operasi Risiko. Seterusnya pada 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Kajian Risiko bagi Asia Bank ABN AMRO, dan bertanggungjawab dalam menguruskan Kajian Risiko Kredit bagi 16 buah negara di BU Asia. Pada tahun 2010, beliau telah ditempatkan di Shanghai, setelah dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko bagi RBS China. Hein Jan Smit juga pernah bertanggungjawab bagi Kredit, Operasi, Pasaran & Risiko Ke-cairan, dan Pematuhan dan Peraturan Risiko untuk français RBS di China (800 + FTE), memimpin pasukan yang melebihi 25 kakitangan di Bahagian Risiko. Kini, beliau memimpin pasukan Pengurusan Risiko sebagai Ketua Pegawai Risiko BIBD, meningkatkan lagi rangka kerja pengurusan risiko Bank kepada kesemua disiplin risiko (Kredit, Operasi, Pasaran, & Risiko Ke-cairan). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran Perniagaan, Kewangan & Ekonomi dari Rijks University, Groningen dan Ijazah Sarjana Eksekutif dalam Audit Dalaman dari University of Amsterdam.



Yang Mulia Hajah Hanifah
Haji Jenan
Ketua Syariah

Yang Mulia Hjh Hanifah mempunyai hampir sepuluh tahun pengalaman perbankan yang meliputi Penasihat Perundungan, Pemulihan, dan perkara-perkara berkaitan Perbankan Pengguna. Beliau pernah bertugas di bahagian Unit Kawalan Dokumentasi di Jabatan Syariah dan pernah mengendalikan tugas Takaful semasa berkhidmat di BIBD Takaful secara pinjaman dari BIBD.

Sebelum menyertai sektor perbankan, beliau bertugas selama tiga tahun mengamalkan undang undang Syariah, mengendalikan hal-ehwal perkahwinan dan jenayah Islam di mahkamah-mahkamah Syariah di Kuala Lumpur dan Brunei.

Hajah Hanifah berkelulusan Ijazah (Kepujian) Syariah dari Universiti Malaya dan Diploma dalam Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam dari IIUM. Beliau juga adalah Perancang Kewangan Islam bertauliah dari Al-Hijrah Consultancy dan kini sedang mengikuti Program Profesional Fiqh Muamalat di CIBFM Brunei.



Yang Mulia Irwan Lamit
Pengarah Urusan
BIBD At-Tamwil Berhad

Yang Mulia Irwan Lamit adalah Pengarah Urusan dan juga ahli Lembaga Pengarah di BIBD At-Tamwil sejak 2006. Beliau mempunyai kelayakan sebagai Akauntan Berkanun dan merupakan ahli Fellow Persatuan Akauntan Ber-tauliah (ACCA).

Sebelum menyertai BIBD At-Tamwil Berhad, beliau pernah bertugas sebagai Akauntan di Syarikat Brunei Shell Marketing Sdn. Bhd. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Aplikasi Perakaunan dari Oxford Brookes University, UK.



Profil Korporat

Institusi Kewangan **Terkemuka Brunei**

BIBD, bank terbesar dan institusi kewangan Islam ulung di Brunei telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan Islamic Bank of Brunei dan Islamic Development Bank of Brunei. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, BIBD ditadbir mengikut amalan terbaik global di bawah bimbingan pasukan pengurusan yang berpengalaman. BIBD komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dari segenap lapisan masyarakat melalui inovasi perkhidmatan, produk dan teknologi yang berterusan.



Sebagai bank Islam ulung dan penyedia perkhidmatan kewangan terbesar di Brunei, dengan lebih daripada 700 warga kerja dan pengurusan aset bernilai B\$ 7.5 bilion, kami berbangga dapat menawarkan perkhidmatan kepada lebih 150,000 pelanggan, yang terdiri daripada pelanggan runcit, Korporat dan Institusi. Beribu pejabat di Bandar Seri Begawan, BIBD mempunyai lima belas cawangan di lokasi strategik di empat daerah di Brunei serta rangkaian ATM terbesar di negara ini, dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada satu perempat penduduk Brunei. Lokasi BIBD yang terdapat di seluruh negara membolehkan kami memiliki pusat hubungan terbesar di Brunei, dan menawarkan kemudahan penyelesaian seperti internet dan perbankan mudah alih kepada pelanggan kami.

BIBD adalah satu-satunya bank di Brunei yang menawarkan perkhidmatan kepada semua sektor dan segmen pasaran perbankan pelanggan. Dengan tumpuan utama kepada inovasi dan kecemerlangan, BIBD secara konsisten telah diiktiraf untuk keunggulan khidmatan pelanggannya dan keupayaan untuk menyampaikan nilai terbaik kepada semua pihak berkepentingan. Hasil kerja keras, usaha dan komitmen yang berterusan daripada warga kerja kami, telah membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lancar dan berinovatif kepada pelanggan, serta memastikan bahawa pengalaman perbankan mereka bersama kami adalah unik dan terbaik dalam kelasnya.



Sejak bermulanya perjalanan transformasi kami, BIBD telah melaksanakan reformasi penjenamaan, termasuk peningkatan dalam keseluruhan penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk cawangan yang menggambarkan kanvas visual Islam Brunei Darussalam. Identiti tersendiri ini telah membezakan BIBD daripada institusi kewangan lain di Brunei Darussalam, serta menetapkan penanda aras perkhidmatan yang benar-benar "Berjiwa KeBruneian". Gabungan kesemua usaha ini meletakkan BIBD pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menzahirkan aspirasinya dan terus maju di arena tempatan dan antarabangsa.

Pemegang Saham

- Kementerian Kewangan, Brunei
- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- Fajr Capital Limited
- Kira-kira 6,000 orang pelabur warga Brunei

Berjiwa KeBruneian

BIBD adalah sebuah bank untuk rakyat Brunei oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap keseluruhan intipati Perbankan Islam dengan sempurna. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya, mendukung cita-cita masyarakat Brunei. BIBD yang sejak dahulu lagi memegang rekod sebagai sebuah bank yang benar-benar dan tulus memahami aspirasi dan budaya Brunei Darussalam telah menjadi inspirasi dan membolehkan kami untuk terus berinovasi dalam menawarkan penyelesaian yang paling sesuai dengan keperluan semua pelanggan kami.

Tadbir Urus

BIBD komited kepada tadbir urus korporat yang ketat dan dikawal sepenuhnya oleh prinsip dan peraturan yang ditetapkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah Negara (SFSB) dan Akta Syarikat Penggal 39. Bank ini mempunyai kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh dengan penanda aras mengikut standard antarabangsa, terutama dalam amalan-amalan kewangan, syariah dan risiko.

Anak-anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang Aktif

• BIBD At-Tamwil Bhd

Sebuah anak syarikat milik penuh, yang mengendalikan penyediaan kemudahan sewa-beli Islam

• BIBD Securities Sdn Bhd

Sebuah anak syarikat milik penuh yang menawarkan produk pengurusan kewangan Islam dan perkhidmatan broker tempatan bagi saham BIBD dan sekuriti asing yang tersenarai di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura.

• Syarikat Takaful Brunei Darussalam (Syarikat Bersekutu)

Ia menyediakan perkhidmatan Takaful Am dan Keluarga melalui anak-anak syarikatnya: Takaful Brunei Am dan Takaful Brunei Keluarga

• BIBD Al-Kauthar Funds DCC Incorporated

Menyediakan perkhidmatan pengurusan dana


• Belait Barakah Sdn Bhd

Menyediakan kemudahan pajakan kapal


Statistik




Keuntungan selepas Zakat dan Cukai (B\$ Juta)




Jumlah Harta (B\$ Juta)




Simpanan dari Penyimpanan (B\$ Juta)




Pulangan Keatas Pelaburan Modal (%)




Pulangan keatas Harta (%) - Sebelum Cukai



Nisbah Kecukupan Modal Peringkat 1 (Modal Teras) (%)



Jumlah Nisbah Kecukupan Modal (%)



Nisbah Pembiayaan Tertunggak (Bersih) (%)

Kemudahan Perbankan, 2015



Transaksi
BIBD Mobile
lebih daripada
2.5
Juta



Transaksi
Kad
lebih daripada
2.3
Juta



Panggilan Diterima
lebih daripada
300
Ribu



Hadiyah Mata ganjaran
diedarkan
lebih daripada
250
Juta



Transaksi
BIBD Online
200
Ribu



15
Cawangan
56 Mesin ATM,
19 Mesin CDM &
11 Mesin CQM

Tinjauan Perniagaan

Bahagian Perbankan Pengguna

Bahagian Perbankan Korporat

Bahagian Perbankan Institusi

Bahagian Perpendaharaan dan Pasaran Global

Bahagian Perbankan Perdagangan

Jabatan-jabatan Sokongan

Bahagian Operasi dan Teknologi

Bahagian Sumber-sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Risiko

Jabatan Pemasaran

Bahagian Syariah

Unit Perhubungan Korporat

Bahagian Perbankan Pengguna

Tahun 2015 merupakan titik peralihan bagi kami dengan mencatatkan satu lagi prestasi cemerlang untuk Bahagian Perbankan Pengguna. Peningkatan ketara dalam pendapatan berpunca daripada momentum pembangunan perniagaan kami yang tidak putus-putus sejak tahun 2014. Kami menyifatkan pertumbuhan ulung ini kerana usaha penggabungan dan inovatif berterusan ke atas bidang perekayasaan semula (re-engineering) proses dan pengurusan risiko.



Kesemua usaha ini telah memacu Perbankan Pengguna meningkatkan pendapatan dan keuntungan sebelum Zakat dan Cukai dengan ketara berbanding tahun 2014. Nisbah kos-kepada-pendapatan dapat dikekalkan pada kadar yang mengagumkan sebanyak 24%, dan kami menjana produktiviti dan kecekapan yang maksimum daripada pelaburan kami.

Berlatarkan suasana pasaran yang amat kompetitif tetapi berhati-hati, kami berjaya menambah asas pelanggan sebanyak 5% berbanding tahun 2014. Asas pelanggan kami yang semakin berkembang telah menyediakan tapak pertumbuhan kukuh bagi pembiayaan dan deposit.

Kami berjaya mendahului pasaran dan mengembangkan portfolio pembiayaan pengguna kami sebanyak 12% berbanding tahun 2014. Walaupun pasaran pengguna terus menguncup dengan penurunan sebanyak 3% hingga 5% setahun, namun Perbankan Pengguna BIBD meraih 4% bahagian pasaran untuk memantapkan kedudukannya sebagai peneraju dengan penguasaan bahagian pasaran sebanyak 53.24% bagi produk pembiayaan pengguna. Ini membuktikan

bahawa produk dan perkhidmatan kami dibangunkan mengikut kesesuaian pelanggan kami dan menjadi pilihan kerana memenuhi keperluan mereka.

Dari aspek deposit pula, kami mencatatkan prestasi kukuh dengan peningkatan sebanyak 10% bagi portfolio deposit berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014. Secara keseluruhannya, kami berbesar hati dapat memenuhi jangkaan para pelanggan kami dan mencatatkan kadar keciciran pelanggan yang lebih rendah berbanding 2014.

Kami memantapkan penyampaian perkhidmatan kami untuk pertumbuhan yang lebih baik di semua titik temu pelanggan. Kami telah menyempurnakan urusan membaik pulih konsep penjenamaan "Berjiwa KeBruneian" kami di Cawangan Utama, Manggis, Tanjung Bunut dan Airport. Cawangan Utama di Bandar Seri Begawan telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada bulan November 2015. Kesemua inisiatif ini mensasarkan untuk memberikan imej segar bagi BIBD di samping

menyediakan pelanggan dengan pengalaman perkhidmatan yang mantap dan bertaraf dunia.

Kami terus melakukan inovasi ke atas platform perbankan atas talian dan mudah alih, untuk meletakkan BIBD di barisan hadapan bagi kemudahan perbankan digital. Sebagai sebahagian daripada usaha inovasi untuk perekayasaan semula proses, kami telah melaksanakan pelbagai peningkatan kepada keupayaan fungsi dan transaksi perbankan mudah alih. Ini telah menyumbang kepada pertambahan pelanggan aktif perbankan mudah alih kami kepada lebih 70,000 orang. Kesemua usaha kami di masa lalu dan sehingga kini untuk membangunkan jenama BIBD telah meletakkan kami pada kedudukan yang baik di mana BIBD meraih skor 92% bagi kesedaran jenama keseluruhan dan 60% kerana berada pada kedudukan 'teratas dalam minda' pengguna. Ini merupakan skor tertinggi dari kalangan bank-bank yang beroperasi di Brunei dan juga di Asia Tenggara. Disepanjang tahun ini, kami memperkenalkan pelbagai promosi taktikal utama untuk memberi ganjaran kepada pelanggan sedia ada dan juga untuk mendapatkan pelanggan baru. Program kami

Bahagian Perbankan Pengguna

yang inovatif itu telah mendapat sambutan menggalakkan dan menyumbang kepada keputusan jualan yang mengagumkan.

Perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan kualiti pengalaman pelanggan kami adalah faktor utama bagi BIBD untuk meraih skor tertinggi dalam kajiselidik kepuasan pelanggan industri perbankan yang di kendalikan oleh ACORN. BIBD mendapat skor tertinggi sebanyak 92% untuk 'kepuasan pelanggan secara keseluruhan', manakala bagi 'kemungkinan untuk mengesyorkan', pelanggan memberikan BIBD skor sebanyak 89%. Skor yang diberikan kepada BIBD untuk kedua-dua kategori ini adalah lebih tinggi daripada rakan seangkatan BIBD dalam industri, dengan margin yang besar. Trend yang sama juga dapat dilihat daripada keputusan kajiselidik 'Mystery Shopping'. Kajiselidik setiap suku tahun itu menunjukkan peningkatan yang ketara pada suku terakhir (Pusingan 4) tahun ini di mana kami mencatatkan sebanyak 80% berbanding dengan 73% yang dicatatkan pada

suku pertama (Wave 1) tahun 2015. Kami sukacita untuk menyatakan bahawa catatan keputusan ini adalah lebih tinggi daripada rakan seangkatan kami dalam industri perbankan. Seiring usaha untuk terus meningkatkan tahap perkhidmatan dan penawaran, kami telah melaksanakan lima projek penting untuk merekaya semula proses pelanggan kritikal bagi memudahkan urusan pelanggan dan dengan lebih cekap.

Kadar pembiayaan yang tertunggak (NPF) kami menyusut kepada 2.2% berbanding 3.49% pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan oleh ketegasan kami dalam memastikan pelanggan yang berkualiti dengan aset berkualiti. Kami juga melaksanakan penambahbaikan ketara ke atas pengurusan risiko operasi dengan memantapkan polisi dan prosedur dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan tunai, premis dan e-saluran, antara lainnya.

Penentu kejayaan kami adalah warga kerja kami. Kami menghargai sumbangan warga kerja kami dan meletakkan kepentingan dalam

sentiasa melibatkan dan memotivasi mereka supaya mereka dapat membina kerja yang cemerlang bersama BIBD. Kami berbangga untuk menyatakan bahawa skor penglibatan pekerja untuk warga kerja Bahagian Perbankan Pengguna telah meningkat kepada 81% pada tahun 2015 berbanding 68% berdasarkan kajian sebelum ini yang dilakukan pada tahun 2010. Ini adalah peningkatan yang paling ketara dan tertinggi di BIBD. Kami akan terus memupuk tenaga kerja yang mantap dan berkemahiran bagi Bahagian Perbankan Pelanggan agar dapat memenuhi keperluan para pelanggan dan juga Bank.

Sebagai pengiktirafan kepada prestasi cemerlang BIBD dalam bidang Perbankan Pengguna, kami telah dianugerahi "Bank Runcit Terbaik di Brunei 2015" oleh The Asian Banker untuk tahun ketiga berturut-turut. Anugerah ini sangat didambakan di kalangan industri kerana penilaianya dibuat berdasarkan kajian teliti ke atas prestasi bank dengan pelbagai kriteria yang menyeluruh.

Bahagian Perbankan Korporat

Meskipun persekitaran yang mencabar, Bahagian Perbankan Korporat telah mencatatkan prestasi yang positif di sebalik pertumbuhan ekonomi yang sederhana merentasi industri. Kami menambahkan portfolio sebanyak 6%, kepada B\$775 juta berbanding dengan B\$731 juta pada tahun 2014. Hasil operasi dalam tempoh tinjauan adalah sebanyak B\$47 juta. Kegihan usaha kami di sepanjang tahun telah menyaksikan pertumbuhan bahagian pasaran perbankan korporat sebanyak 46.5% pada tahun 2015 berbanding 43.6% pada tahun 2014.

Pertumbuhan portfolio kami adalah hasil daripada usaha mengurus dan mengembangkan asas pelanggan sedia ada secara organik, sambil meluaskan kemasukan pelanggan baru dari segmen perniagaan kecil dan sederhana (SME). Walaupun harga minyak dan gas yang mencabar telah memberikan kesan kepada perniagaan pelanggan kami, namun kami berjaya mengurangkan sebarang kerugian teruk ke atas portfolio pembiayaan kami kerana amalan pengurusan risiko dan proses pematuhan yang sedia ketat

dan mantap. Kesan daripada pendekatan pengurusan risiko dan pematuhan kami ini menyaksikan rosotnilai yang amat kecil sebanyak 0.21% untuk bank.

Kami terus mendukung dan menyokong agenda negara untuk membina rangkaian SME di negara ini. Dengan keupayaan kami, BIBD berada pada kedudukan terbaik untuk menyampaikan perkhidmatan yang tiada bandingannya kepada perniagaan yang sedang mencari ruang untuk merebut peluang-peluang baru dan berkembang. Kami menawarkan mereka dengan penyelesaian yang relevan untuk memenuhi keperluan kewangan perniagaan mereka, daripada pengurusan aliran tunai kepada pilihan pembiayaan. Kami juga menjuruskkan tumpuan kami kepada industri sasaran termasuk pertanian, perikanan, pembuatan dan pelancongan.

Bagi memastikan para pelanggan kami mendapat sokongan yang mereka perlukan untuk memudahkan kemajuan perniagaan mereka, kami menyediakan khidmat nasihat

dan kaunseling mengenai pengurusan kewangan dan operasi kepada mereka, serta sering menganjurkan seminar dan perbincangan dengan pakar pengurusan untuk berkongsi pengetahuan mengenai proses perniagaan dan keperluannya. Ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk mengukuhkan hubungan dengan para pelanggan kami dan menyokong mereka supaya mereka dapat berkembang maju dan menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara.

Kami juga memberi keutamaan kepada usaha melahirkan generasi usahawan masa hadapan dan turut menjalin hubungan erat dengan pihak Kerajaan dan institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti melalui penganjuran ceramah dan latihan perniagaan. Kami percaya bahawa ilmu pengetahuan yang disematkan pada hari ini dapat memupuk semangat keusahawanan hari esok.

Bahagian Perbankan Institusi

Persekitaran yang tidak menentu pada tahun 2015 terus mencabar dengan harga komoditi yang rendah, namun kedudukan dolar Brunei yang agak kukuh serta usaha pemelbagaian kita yang berterusan menyaksikan penyelesaian Kewangan Islam semakin diterima.

Bagi tahun 2015, kami telah memecahkan rekod pertumbuhan dengan mencatatkan peningkatan pendapatan keseluruhan sebanyak 51.5% berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Perbankan Institusi bagi tempoh dalam kajian berjumlah B\$82.39 Juta, satu pertumbuhan memberangsangkan yang pada pandangan kami bertitik tolak dari usaha kami yang memahami keperluan pelanggan secara mendalam dan keupayaan untuk menstruktur penyelesaian yang memenuhi keperluan mereka.

Bahagian Perbankan Institusi BIBD memberi tumpuan kepada pengawasan kecairan, aset dan pelaburan bank dalam pelbagai instrumen kewangan Islam untuk memperoleh pulangan risiko terlaras. Segmen Perbendaharaan dan Pasaran Global menyediakan penyelesaian pengurusan risiko kewangan, pelaburan, serta produk dan perkhidmatan perbendaharaan termasuk pendapatan tetap berdasarkan Syariah dan instrumen pasaran wang, tukaran asing, produk berstruktur dan nasihat penyelesaian untuk asas pelanggan domestik dan antarabangsa. Segmen Perbankan Perdagangan menyokong pelanggan korporat kami untuk mencapai matlamat mereka, antaranya, melalui perkhidmatan khusus seperti nasihat korporat, pensidiketan dan pasaran modal hutang.

Bahagian Perbendaharaan dan Pasaran Global

Bahagian Perbendaharaan dan Pasaran Global kami menunjukkan prestasi teguh sepanjang tahun lalu. Menjelang akhir tahun 2015, Bahagian ini telah menyumbang sebanyak B\$70 juta kepada pendapatan keseluruhan BIBD, mencatat pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 46%, serta menyumbang hampir 25% daripada jumlah pendapatan BIBD. Kami telah meningkatkan jumlah pelanggan, memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru, memantapkan pasukan jualan dan membimbing bakat kami, kesemua usaha ini telah menyumbang dengan ketara kepada penambahan bahagian pasaran untuk segmen ini, dan meletakkan kami sebagai peneraju utama Perbendaharaan Islam dan Pasaran Global di Asia.

Margin keuntungan bersih sebelum peruntukan

dan cukai meningkat lebih 25% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun kos dana meningkat, hasil aset kami adalah lebih tinggi, menyebabkan taburan bersih keseluruhan yang lebih baik.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan memberangsangkan ini adalah pendapatan daripada yuran penasihat pelanggan yang meningkat empat kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Kami juga menyaksikan peningkatan dalam urus niaga mata wang asing yang jumlahnya meningkat hampir tiga kali ganda pada tahun 2015.

Usaha kami untuk menjadi bank pilihan Syarikat Berkaitan Kerajaan Brunei (GLC) telah mendapat tarikan positif di mana kami telah menambah bilangan akaun dari kalangan pelanggan GLC utama. Untuk tahun 2016, kami bertekad untuk menjadi bank pilihan bagi kebanyakan syarikat-syarikat bersekutu GLC.

Tahun 2015 juga menyaksikan pertambahan kira-kira 10% rakan niaga institusi kewangan dari negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan pasaran Asia yang kebanyakannya memiliki asas kukuh dalam Perbankan Islam. Peningkatan ini membolehkan kami memperluaskan rangkaian produk dan menawarkan akaun penjelasan mata wang asing baru kepada pelanggan kami, seiring matlamat kami untuk menjadi bank pilihan bagi para pelanggan kami.

Kami kekal komited untuk menambah asas pelanggan dan memantapkan penyampaian produk dan perkhidmatan kami, bukan sahaja di Brunei tetapi juga di peringkat antarabangsa. Hampir 90% daripada pendapatan Perbendaharaan dan Pasaran Global kami datang dari luar negara, justeru itu kami kini merancang untuk membuka pejabat perwakilan kedua kami di Dubai pada 2016, berikutnya dari kejayaan pembukaan pejabat di Singapura pada tahun 2015. Pejabat perwakilan kami di Singapura akan menjadi pusat strategik luar negara bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan perbankan Islam BIBD yang lengkap kepada institusi kewangan dan korporat di rantau Asia,

manakala pejabat yang bakal dibuka di Dubai akan memainkan peranan yang sama bagi negara-negara GCC.

Bahagian Perbankan Perdagangan


Kami mencatat pertumbuhan pendapatan tertinggi bagi Perbankan Perdagangan pada tahun 2015, meningkatkan pendapatan kami dua kali ganda berbanding tahun 2014. Penyumbang utama kepada pertumbuhan pendapatan ini adalah pelaksanaan projek GLC utama yang besar di rantau ini di mana kami berperanan sebagai Bank Penstrukturan, Pengatur Utama Bersama dan Penasihat Syariah, serta menyediakan kemudahan-kemudahan utama yang lain. Satu lagi inisiatif utama yang menyumbang kepada pendapatan kukuh ini adalah penglibatan kami dalam Akaun Pelaburan Perkongsian Keuntungan Terhad dengan bank rakan niaga di rantau ini. Inisiatif ini adalah yang pertama seumpamanya di Brunei, dan mencatatkan satu lagi pencapaian penting bagi BIBD.

Hubungan yang baik adalah penting untuk menjalin perkongsian dengan pelanggan kami. Dengan mencatat satu keputusan yang sangat memberangsangkan bagi tahun 2015 adalah kemuncak bagi pendekatan kami untuk lebih memahami keperluan para pelanggan. Melalui pemahaman pelanggan yang lebih menyeluruh, kami dapat membina kepercayaan dan menyediakan perkhidmatan tambah nilai dan nasihat secara proaktif. Rekod prestasi yang kukuh dan hubungan yang baik telah membolehkan Perbankan Perdagangan memainkan peranan yang lebih bermakna bagi membantu pelanggan kami mencapai objektif korporat mereka.

Kami telah meningkatkan asas pelanggan dan memiliki portfolio pelanggan yang pelbagai, di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kami akan terus memanfaatkan saluran antarabangsa kami melalui pejabat perwakilan di Singapura yang dibuka pada tahun 2015, serta pejabat perwakilan kami di negara-negara Majlis Kerjasama Teluk yang akan dibuka tidak lama lagi untuk menawarkan penyelesaian pembiayaan Islam.

Bahagian Operasi dan Teknologi

Pada tahun 2015, kami meneruskan tumpuan untuk meningkatkan keupayaan digital bagi membolehkan para pelanggan kami menikmati kemudahan dan kecekapan yang lebih baik apabila melaksanakan transaksi perbankan mereka. Kami telah melancarkan dua inisiatif digital menerusi perbankan cawangan dan saluran perbankan mudah alih.



Pertama, kami telah melengkapkan pelaksanaan platform perkhidmatan perbankan cawangan digital. Instrumen dan perkhidmatan berkaitan baru ini menjadikan proses kemasukan para pelanggan baru lebih mudah dan cepat, serta memenuhi keperluan para pelanggan sedia ada. Perkhidmatan seperti membuka akaun baru, memohon pembiayaan dan perkhidmatan tambahan kini boleh dilakukan dengan lebih mudah. Platform perbankan cawangan digital juga membolehkan pegawai bank kami menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif dan cepat kepada pelanggan. Platform digital ini menggantikan borang kertas kepada borang elektronik dan menghapuskan proses pengisian borang. Kini, pemilihan perkhidmatan atau akaun baru juga dapat dilakukan dengan lebih cepat dan mudah.

Kedua, kami memperkenalkan ciri Chat Digital segera yang selamat (Instant Secure Digital Chat) untuk pelanggan perbankan mudah alih. Ciri baru dalam aplikasi mudah alih BIBD ini membolehkan pengguna berinteraksi dalam masa nyata dengan kakitangan perkhidmatan pelanggan kami. Bagi mereka yang lebih suka interaksi digital berbanding panggilan telefon, kini boleh menggunakan ciri-ciri baru aplikasi BIBD Mobile yang inovatif ini. Ciri Instant Secure Digital Chat ini mudah digunakan dan ramai pelanggan telahpun menggunakannya, dan memberikan maklum balas positif mengenai aplikasi ini. Instant Secure Digital Chat dipertingkatkan dengan ciri-ciri keselamatan untuk pengguna aplikasi BIBD Mobile. Selepas berjaya log masuk, pengguna boleh memulakan perbualan secara digital yang selamat dengan agen pusat panggilan.

Kami tetap komited untuk menjadikan urusan perbankan lebih mudah dan peribadi serta lebih ringkas dan lebih cepat untuk para pelanggan kami. Meningkatkan pengalaman pelanggan serta memastikan keselamatan dan pematuhan menjadi keutamaan kami. Kami akan terus melabur dalam keupayaan digital dan menjadikan teknologi sebagai pembeza utama dalam penawaran perkhidmatan dari BIBD.

Pada tahun 2016, kami akan menaik taraf platform perbankan atas talian Korporat kami untuk memastikan para pelanggan korporat dan SME juga menerima perkhidmatan perbankan digital yang cekap dan berbeza.

Memperkemaskan rangka kerja laporan kewangan dan pengurusan risiko perniagaan kekal menjadi tumpuan utama. Piuh bank turut melabur dalam peralatan dan keupayaan perakaunan dan pelaporan kewangan serta infrastruktur pengurusan risiko.

Bahagian Sumber Manusia

Warga kerja adalah nadi kejayaan kami, dan kami komited dalam memantapkan kebolehan mereka untuk sama-sama memperkasakan perniagaan dan juga warga kerja kami.



Melalui program penambahbaikan yang telah dilaksanakan secara berterusan, kami gembira dapat mewujudkan satu persekitaran di mana para pekerja kami percaya bahawa mereka dapat membina kerjaya dan maju bersama BIBD. Ini diwujudkan melalui kadar atrisi rendah yang secara puratanya di antara 3% hingga 5% dalam tempoh lima tahun yang lalu. Kami bertuah dapat mengekalkan bakat-bakat besar sehingga kini, dan sekarang ramai diantara mereka menjadi pemimpin di Bank ini.

Kami melibatkan pakar-pakar industri dalam penyediaan pembelajaran sampingan untuk menyokong tugas warga kerja kami di Bank menerusi program-program yang dapat membina kemahiran insaniah di samping meningkatkan kemahiran perbankan teras mereka dalam perancangan dan pengurusan kewangan. Dengan kerjasama Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), kami telah berjaya melahirkan sekumpulan 43 orang Perancang Kewangan Bertauliah di Bank ini.

Dalam lingkungan BIBD, kami terus menganjurkan Anugerah Kecemerlangan yang berlangsung setiap suku tahun bagi mengiktiraf individu cemerlang yang menunjukkan nilai-nilai murni, seperti memberikan perkhidmatan terbaik kepada pihak-pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Anugerah ini menyemai perasaan bangga dan gembira di kalangan warga kerja kami kerana usaha-usaha mereka diiktiraf.

Kami komited dalam membangunkan bakat untuk memastikan pemimpin pelapis bagi BIBD. Program pengurusan bakat kami dibentuk untuk mempersiapkan bakal pemimpin kami dengan pendedahan dan pengalaman yang meluas dalam semua bidang disiplin. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 ialah Program Kepimpinan, yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) untuk membimbing dan memupuk kemahiran bakal pemimpin kami. Seramai

dua puluh empat bakat BIBD telah dikenal pasti untuk menyertai program sulung ini, yang dijadualkan akan berlangsung untuk tempoh beberapa tahun akan datang. Kami juga mempunyai program untuk mendedahkan bakat-bakat kami kepada pasaran global, dan program ini akan ditambah baik untuk membolehkan bakat-bakat kami menimba lebih banyak pengalaman dalam industri kewangan di peringkat global. Buat masa ini, kami telah pun melaksanakan program penukaran sementara kakitangan dengan sebuah institusi kewangan di Timur Tengah, dan kami bercadang untuk meluaskan program ini kepada institusi kewangan antarabangsa yang setanding pada tahun 2016.

Kami gembira memiliki warga kerja yang turut sama terlibat dalam kesemua inisiatif yang dianjurkan dan menjayakannya dengan sebaik mungkin. Semasa Kaji Selidik Penglibatan Pekerja baru-baru ini, yang dijalankan oleh Towers Watson pada tahun 2015, kami berpuas hati dengan maklum balas positif daripada sudut pandangan warga kerja kami mengenai masa depan BIBD, dengan mencatatkan skor yang lebih tinggi daripada norma Perkhidmatan Kewangan Global dan Prestasi Tinggi Global bagi industri perbankan seluruh dunia. Hampir 70% dari kalangan warga kerja kami yakin dengan perubahan transformatif dalam organisasi mereka adalah untuk memanfaatkan peluang-peluang berbanding dengan industri antarabangsa yang secara puratanya sebanyak 52%, dan ini mengukuhkan lagi pandangan positif warga kerja Bank terhadap masa depan BIBD dalam industri perbankan.

Penekanan kami terhadap pembangunan bakat adalah penentu kepada kekuatan BIBD, kerana kami percaya bahawa Bank hanya akan berkembang apabila warga kerja kami juga maju. Kami akan meneruskan usaha untuk membina kecemerlangan dan bertekad untuk menjadi Bank pilihan bagi bakat-bakat BIBD serta bakat baru muncul di pasaran.

Bahagian Pengurusan Risiko

Melindungi aset dan pelaburan untuk mengoptimumkan peluang



Pengurusan risiko yang berkesan adalah penting untuk kejayaan perniagaan BIBD. Kami bekerja rapat dengan unit-unit perniagaan untuk memahami dan menyediakan penilaian bebas berkenaan risiko seperti yang termaktub dalam rangka kerja komprehensif polisi dan prosedur kami. Kami menggunakan pendekatan proaktif bagi memantau parameter risiko bank ini seperti melaksanakan ujian tekanan secara tetap dan analisis senario berdasarkan persekitaran ekonomi semasa.

Pada tahun 2015, kami menggunakan IAS 39 bagi Rosotnilai Pembiayaan (Financing impairment) - IFRS (International Financial Reporting Standard) serta pendedahan risiko pasaran dalam laporan IFRS yang meliputi penilaian saksama bagi aset dan liabiliti.

Proses dan penilaian pengurusan risiko kami yang teguh, yang mendorong pendekatan ke arah keperluan permodalan yang behemat untuk bank, telah menjadi faktor penyumbang bagi agensi penarafan kredit antarabangsa, Standard & Poor memberikan penarafan A- kepada BIBD. Penarafan kredit yang kukuh ini, yang merupakan penarafan tertinggi di Brunei, mengukuhkan lagi kedudukan BIBD sebagai antara yang terbaik di rantau ini, setaraf dengan bank-bank serantau terkemuka utama di ASEAN dari segi teknologi, rangkaian produk dan perkhidmatan pelanggan.

Jabatan Pemasaran

Mempromosi Kesedaran Kewangan bagi Kemanfaatan Negara



Pasukan Pemasaran BIBD menyelia pembentukan penjenamaan kreatif untuk perniagaan dan bahagian-bahagian sokongannya. Seiring dengan penerapan "Berjiwa KeBruneian", Pasukan Pemasaran dengan jayanya menerajui inisiatif-inisiatif kesedaran untuk BIBD dengan memberi sokongan kepada pihak berkepentingan dalaman dan aktiviti-aktiviti mereka, demi kemanfaatan warga Brunei.

Dengan penekanan pada beberapa inisiatif utama, bahagian Pemasaran bertanggungjawab dalam mengendalikan pelancaran semula Ibu Pejabat BIBD yang diubahsuai, serta inisiatif promosi menarik seperti Barakah 6, Swipe To Win, Swipe To Fly, Pengalaman Perdana dan jerayawara BIBD di Pusat Insani.

Juga pada tahun 2015, pasukan ini mengendalikan pelbagai aspek reka bentuk, percetakan dan pelaksanaan bahan-bahan sampingan korporat dan logistik untuk Bahagian Perbankan Retail dan Korporat dan juga acara-acara yang terdiri daripada pembukaan ruang Perdana Privilege Banking kedua kami di Kuala Belait, Pameran Kediaman ke- 7 dan Perdana Golf.

Bahagian Syariah

Memantapkan Pematuhan dan Menambah Baik Pengalaman Pelanggan



Pematuhan kepada prinsip-prinsip Syariah adalah unsur utama perniagaan kami, dan pasukan Syariah kami sentiasa memberi tumpuan dalam memantapkan dan mengembangkan penawaran produk Bank yang berpandukan prinsip-prinsip tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha penambahanbaikan untuk tahun 2015, kami menyokong bahagian perniagaan agar dapat beroperasi secara lancar melalui memperkasakan proses-proses kami supaya para pelanggan Bank dapat menikmati pengalaman perbankan yang lebih mudah di samping memastikan kami mencapai syarat-syarat pematuhan Syariah.

Usaha penambah baikan ini juga turut membantu kami untuk memperkenalkan lebih banyak produk perbankan pengguna yang patuh Syariah seperti kad kredit dan produk Step-Up Time Deposit. Di peringkat perbankan institusi, kami menyediakan sokongan Syariah yang berterusan untuk mengesahkan bahawa urusan perniagaan dimuktamadkan dan dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Pada tahun 2015, Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah BIBD telah dimantapkan untuk memastikan Bank terus menjadi contoh terunggul pematuhan Syariah, menerusi

inisiatif seperti proses integrasi pelan latihan audit yang merangkumi aspek-aspek Syariah dalam penilaian Bank. Dengan melaksanakan usaha sebegini, BIBD bersiap sedia untuk mengawal dan mengurangkan sebarang risiko tidak patuh Syariah dengan cekap dan berkesan.

Satu lagi inisiatif penting yang dijalankan oleh bahagian ini adalah lawatan ke Bursa Malaysia Islamic Services Berhad di Kuala Lumpur, Malaysia. Objektif lawatan ini adalah untuk memastikan operasi pemprosesan Tawarruq dalam produk kewangan BIBD mematuhi prinsip-prinsip Syariah, serta untuk bertukar-tukar pengetahuan mengenai Pembiayaan Islam.

Pada tahun 2015, dua daripada pegawai bank kami dari Jabatan Syariah telah mendaftar untuk Program Profesional Fiqh Mu'amalat (FMPP) anjuran Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM). Mereka dijangka akan menamatkan program yang berlangsung selama 14 bulan ini pada bulan Mei 2016. Bank menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh CIBFM dengan menghantar wakil BIBD ke FMPP bagi meningkatkan lagi pemahaman mengenai Fiqh Mu'amalat

dengan lebih mendalam, seiring dengan usaha memperkasakan warga kerja kami untuk menyumbang dan menjadi aset berharga bagi Jabatan Syariah dan Bank.

Dalam menyokong agenda negara untuk meningkatkan celik kewangan, Jabatan Syariah turut membantu usaha mewujudkan kesedaran orang awam dan pemahaman mengenai RIBA menerusi Simposium RIBA pada bulan September 2015. Simposium RIBA, yang dibuka kepada orang ramai, merupakan satu usahasama dengan Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Brunei dan juga Al Naqiy Solutions Islam Sdn Bhd (Malaysia). Topik yang dibincangkan di simposium RIBA ini meliputi pemahaman mengenai RIBA seperti larangan ke atas RIBA dan penyelesaiannya menurut Al-Quran. Acara ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dari pelbagai kementerian, AMBD, pengamal Kewangan Islam, serta ahli akademik dan pelajar universiti tempatan. Penganjuran acara ini adalah satu kejayaan, dan dengan maklum balas positif daripada para hadirin, pihak Bank merancang untuk menganjurkan simposium RIBA kedua pada tahun 2016.

Unit Perhubungan Korporat

Memantapkan Komunikasi dengan Pemegang Berkepentingan Yang Dihargai



Pasukan Perhubungan Korporat bertanggungjawab dalam menyelaraskan dan memantau urusan komunikasi dalam dan luaran mengenai Bank bagi memastikan penyampaian maklumat mengenai pelbagai inisiatif BIBD, daripada berita perniagaan terkini kepada program CSR, adalah konsisten dan menepati masa. Unit Perhubungan Korporat juga membantu kesemua bahagian di Bank dalam semua usaha komunikasi – baik secara proaktif mahupun reaktif – untuk memastikan nilai-nilai dan kenyataan BIBD sentiasa disampaikan secara berkesan kepada pihak-pihak berkepentingan kami.


Antara inisiatif yang dijalankan pada tahun 2015 adalah pelancaran buletin BIBD ‘PULSE’, iaitu seiring dengan usaha Bank ini untuk memantapkan komunikasi dengan pihak berkepentingan yang dihargai. Pasukan Perhubungan Korporat turut menyediakan khidmat komunikasi utama serta sokongan pengurusan acara bagi berbagai inisiatif diantaranya pembukaan semula Ibu Pejabat BIBD, Ekspedisi Amal untuk Program CSR Bank, Program Advocating Life-long Learning

for an Aspiring Future (ALAF). Jabatan ini juga membantu inisiatif Unit Pengurusan Kewangan menerusi program Celik Kewangan untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat pengurusan kewangan bagi mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dalam kewangan. Buat pertama kalinya, BIBD juga bekerjasama dengan Radio Televisyen Brunei (RTB) untuk menerbitkan satu program khas mengenai Celik Kewangan yang disiarkan menerusi saluran- saluran RTB tempatan dan antarabangsa untuk mendekati lebih ramai lagi pihak yang berkepentingan.

Selain itu, unit ini juga memantapkan keupayaan komunikasi krisisnya dengan menganjurkan latihan krisis media yang julung kali diadakan untuk warga kerja peringkat pengurusan kanan dan juga unit Perhubungan BIBD. Latihan krisis ini diharap dapat mempersiapkan serta membantu warga kerja kami untuk mengendalikan komunikasi dengan pihak media, pelanggan dan pemegang kepentingan yang lain.

Pencapaian

PENCAPAIAN PENTING
TANGGUNGJAWAB KORPORAT
MENGUKUHKAN HUBUNGAN PELANGGAN
MEMBANGUNKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN INOVATIF
PROGRAM GANJARAN



Pencapaian Penting

YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK MERAIKAN KEJAYAAN TRANSORMASI BIBD DENGAN MELANCARKAN IBU PEJABAT BIBD YANG BERWAJAH BARU

Akhir tahun 2015 mencatatkan satu peristiwa penting bagi BIBD yang telah meraikan pelbagai kejayaan sepanjang lebih tiga dekad. Bank ini pertama kali beroperasi pada tahun 1981 sebagai Island Development Bank, dan kemudian bertukar menjadi sebuah institusi kewangan Islam pada tahun 1993 dengan nama Islamic Bank of Brunei. Pada tahun 2005, ia bergabung dengan Islamic Development Bank of Brunei dan menjadi bank Islam terbesar di Brunei Darussalam.

Perjalanan transformasi yang mencapai hampir empat dekad ini telah menjadikan BIBD sebuah bank terkemuka di Brunei, dan institusi kewangan Islam terunggul di rantau ASEAN. Di sepanjang perjalanan ini, semangat inovasi dan perkhidmatan yang termaktub dalam falsafah BIBD, telah mendorong bank ini untuk berkembang maju, dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang canggih kepada para pelanggannya yang semakin bertambah, untuk menyokong wawasan negara, dan untuk membina sebuah legasi sebagai bank Islam terkemuka di rantau ini. Semangat untuk terus meniti kejayaan dan mencapai aspirasi ini telah diiktiraf menerusi pelbagai anugerah dan penghargaan yang diberikan kepada BIBD di sepanjang tahun, baik dari dalam negara maupun di peringkat antarabangsa.

Sejak tahun 2013, satu pelan transformasi tiga tahun telah dilaksanakan untuk menepati intipati BIBD sebagai sebuah bank untuk semua dengan identiti dan nilai-nilai Brunei yang jitu, yang bukan hanya untuk rakyat dan negara Brunei semata-mata tetapi juga berikutan keazaman bank ini untuk melangkah ke peringkat antarabangsa.

Konsep jenama "Berjiwa KeBruneian" menunjukkan nilai-nilai inklusif yang terbukti menerusi produk dan perkhidmatan BIBD yang memenuhi keperluan kewangan semua pelanggan, tanpa mengira kepercayaan dan anutan agama. Kefahaman BIBD yang mendalam terhadap keperluan pelanggan juga menyaksikan penambahbaikan ke atas platform



Pencapaian Penting

digital untuk penyampaian perkhidmatan yang cekap serta peningkatan rangkaian cawangan untuk pengalaman pelanggan yang lebih baik.

Pada penghujung tahun 2015, perjalanan transformatif ini mencapai kemuncaknya dengan pelancaran secara besar-besaran ibu pejabat BIBD dan cawangan utama yang baru diubah suai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Ibu pejabat BIBD, yang dibuka pada tahun 1992 oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, merupakan asas kepada rangkaian perbankan BIBD yang meluas, dan masih kekal sebagai yang terbesar di Brunei Darussalam, merangkumi lima belas cawangan di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara.

Ibu pejabat baru BIBD yang diberikan reka bentuk bangunan yang moden, dilengkapi dengan inovasi teknologi untuk keselesaan dan pengalaman perbankan yang lebih baik untuk semua pelanggan BIBD. Warga kerja BIBD juga menikmati kemudahan yang dinaik taraf, dengan bahagian dalaman berkONSEP terbuka yang moden dan luas untuk mewujudkan suasana yang lebih kondusif. Pelancaran bersejarah ibu pejabat yang baru diubah suai ini mencerminkan evolusi Bank dan aspirasinya untuk menjadi sebuah institusi kewangan Islam moden dan bertaraf dunia di Brunei dan juga rantau ini.

STANDARD & POOR'S MEMBERIKAN PENARAFAN TERTINGGI BANK DI BRUNEI KEPADA BIBD

Agensi penarafan kredit antarabangsa Standard & Poor's (S&P) memberikan penarafan A- kepada BIBD yang membuktikan penguasaan BIBD dalam bahagian pasaran di Brunei Darussalam, dengan kedudukan modal yang kukuh, profil kecairan yang teguh, nisbah pembiayaan yang rendah berbanding deposit dan keupayaan pembiayaan yang jitu. Penilaian ini menunjukkan Bank ini memiliki kedudukan kewangan yang teguh dan atas yang kukuh, di samping komitmennya kepada dasar fiskal yang berhemat dan pengurusan risiko yang mantap.

Penilaian ini mengukuhkan kedudukan BIBD sebagai bank yang mendapat penarafan tertinggi di Negara Brunei Darussalam dan juga mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu daripada bank terbaik di rantau ini, setanding dengan bank terkemuka utama lain di rantau ASEAN dari segi teknologi, rangkaian produk dan perkhidmatan pelanggan.



Tanggungjawab Korporat



BIBD MENGUMUMKAN PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN DUA DIGIT DI AGM

BIBD membentangkan laporan tahunan 2014 dengan tajuk utama pertumbuhan dua digit bagi Keuntungan Bersih selepas Zakat dan Cukai, dan Jumlah Aset, bagi kedua-dua peringkat Kumpulan dan Bank di Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Bank, yang dihadiri para pemegang saham BIBD.

Mesyuarat itu juga diadakan untuk meluluskan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, dan untuk mengisyiharkan dividen bagi tahun kewangan 2014 sebanyak 5.7 sen sesaham. Pelantikan dan tata cara Yuran Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 turut dibentangkan di AGM tersebut.



Tanggungjawab Korporat

BIBD MEMPENGERUSIKAN DIALOG CAIBA KE-5 BAGI TAHUN KEDUA

Sebagai bank pengurus untuk tahun kedua, BIBD mengetuai Mesyuarat Lembaga Eksekutif dan Seminar China-ASEAN Inter-Bank Association (CAIBA) ke-5. CAIBA, yang menggalakkan kerjasama antara China dan negara-negara ASEAN yang telah dihadiri oleh 11 buah institusi kewangan terkemuka yang mewakili China dan setiap negara anggota ASEAN. Satu kumpulan kerja fleksibel telah ditubuhkan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membincangkan mekanisme yang berkesan dan adil bagi pelaksanaan bidang kerjasama seperti yang digariskan dalam MoU.

CAIBA sebelum ini telah mengatur beberapa perjanjian kemudahan di antara China dan bank-bank ahli yang berjumlah lebih AS\$1 bilion. Kesemua kemudahan ini menyediakan sokongan kewangan untuk projek-projek utama dari negara-negara anggota, meningkatkan lagi sokong kerjasama sosial dan pembangunan diantara ahli dari China dan ASEAN.

BIBD MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI KEWANGAN ISLAM DI SEMINAR CAIBA, BEIJING

BIBD membuat perbentangan mengenai kewangan Islam kepada pegawai-pegawai kanan dari China-ASEAN Inter-Bank Association (CAIBA) serta pengawal selia kewangan dari negara-negara CLMV yang termasuk Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam. Pembentangan ini adalah sebahagian daripada usaha BIBD untuk mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman, profil dan manfaat kewangan Islam di kalangan negara-negara anggota CAIBA.

Seminar empat hari mengenai Pembangunan Kapasiti dan Kerjasama Kewangan China-ASEAN dianjurkan oleh China Development Bank (CDB) dan diadakan di Beijing. Platform ini membolehkan anggota CAIBA meningkatkan kerjasama, serta membuka peluang untuk memperluaskan rangkaian mereka dengan pihak pengawal selia. Seminar ini adalah sebahagian daripada cadangan inisiatif latihan dan perkongsian pengalaman di bawah rangka kerja CAIBA.



Tanggungjawab Korporat



BIBD MENGANJURKAN SIMPOSIUM UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI RIBA YANG PERTAMA

BIBD telah menganjurkan Simposium Riba untuk meningkatkan pemahaman umum dan penghayatan terhadap konsep dan makna Riba (kadar faedah) dalam dunia moden, dan untuk memahami kaedah-kaedah praktikal untuk mengelakkannya. Simposium sehari ini juga menyentuh mengenai jenis-jenis Riba dan isu-isu yang berkaitan termasuk salah faham dan persepsi mengenai Riba. Pelbagai pengetahuan berharga, tip-tip praktikal dan nasihat mengenai pengurusan kekayaan turut dikongsikan di simposium ini.

Simposium Riba ini dianjurkan dengan kerjasama Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), Brunei dan Al Naqiy Islamic Solutions Sdn Bhd (Malaysia).

SUMBANGAN ZAKAT BIBD UNTUK 2014

BIBD menyerahkan sumbangan Zakat bagi tahun 2014 sebanyak B\$2,631,853.97 berserta sumbangan Zakat daripada pelanggan-pelanggannya bagi tempoh 2014-2015 berjumlah B\$510,113.10, kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang mengambil tempat di pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama di Berakas. Sebagai usaha untuk membantu para pelanggan yang beragama Islam dalam menuaikkan kewajipan ini, BIBD telah menyediakan kemudahan membayar Zakat melalui kaunter di semua cawangannya di Brunei Darussalam.

BIBD MEMPROMOSI E-DAGANG BAGI SOLUSI PERNIAGAAN MERENTASI SEMPADAN MELALUI BENGKEL LATIHAN

BIBD bekerjasama dengan BAG Networks Sdn Bhd, sebuah agensi penyelesaian perniagaan, dalam menganjurkan bengkel latihan mengenai penggunaan e-dagang dalam menjalankan perniagaan merentasi sempadan. Bengkel latihan yang bertajuk E-Commerce Cross-Border (CBET) merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan pertumbuhan e-dagang tempatan. Bengkel ini mengkongsikan amalan terbaik Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) yang berjaya dari China yang manfaatkan penggunaan penyelesaian e-dagang merentasi sempadan untuk memulakan perniagaan mereka, mendapatkan akses kepada pasaran

global, dan juga meningkatkan daya saing mereka dengan syarikat lebih besar. Bengkel ini juga menyediakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dengan beberapa solusi kepada isu-isu kebiasaan yang termasuk akses pasaran antarabangsa, kewangan, pembinaan keupayaan, inovasi dan keusahawanan.

Bengkel ini telah perkenalkan oleh Majlis ASEAN Business Advisory (ABAC) dari China dan Brunei dengan tujuan untuk menggalakkan perdagangan end-to-end melalui e-dagang yang disertai oleh delegasi dari Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina, Kawasan Pertumbuhan Brunei East ASEAN (BIMP-EAGA), Indonesia, Thailand dan Malaysia (rantau kawasan Pertumbuhan Segi Tiga).



Mengukuhkan Hubungan Pelanggan



BSC MELANCARKAN ‘WORKBOAT’ TERBESAR, DIBIAYAI OLEH STRUKTUR MUSYARAKAH BIBD

Dengan sokongan dan kerjasama beterusan daripada BIBD, Belait Shipping Company (B) Sdn Bhd (BSC) telah menerima penghantaran kapal Belait CSS1, ‘workboat’ terbesarnya setakat ini. Kapal seberat hampir 13,000 tan ini adalah kapal keenam milik BSC sehingga kini, dan merupakan yang ketiga seumpamanya di dunia, dan yang pertama di rantau ini, dari aspek saiz dan kemajuan teknologi.

Kapal Belait CSS1 adalah kapal kedua BSC yang dibiayai oleh BIBD di bawah struktur pembiayaan Musyarakah yang ditandatangani pada tahun 2012, selepas Belait Barakah pada tahun 2008. Perjanjian itu adalah seiring dengan matlamat BIBD untuk menyokong aspirasi negara bagi membangunkan usahawan tempatan dan pada masa yang sama, keupayaan minyak dan gas negara.

Struktur pembiayaan Musyarakah yang diguna pakai untuk memperoleh kapal ini melibatkan mekanisme perkongsian untung dan rugi yang sama rata. Struktur yang mengguna pakai mekanisme pelaburan ekuiti dan perkongsian risiko sama rata antara BSC dan BIBD, menyediakan perlindungan risiko yang mencukupi bagi semua pihak yang berkepentingan dengan kelebihan tambahan dari aspek pemindahan pengetahuan di antara kedua-dua pihak.



Mengukuhkan Hubungan Pelanggan

PAMERAN KEDIAMAN BIBD MENYEDIAKAN PENYELESAIAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN

BIBD menganjurkan dua Pameran Kediaman pada tahun 2015 bagi menyediakan kemudahan sehenti kepada orang ramai untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai penyelesaian pembiayaan rumah yang sesuai daripada BIBD. Para pelanggan yang mendaftar untuk produk-produk pembiayaan BIBD berpeluang memenangi hadiah-hadiah seperti set televisyen, set teater rumah, dan juga peralatan rumah yang lain untuk memberikan mereka permulaan yang baik bagi mencapai rumah impian mereka. Pameran ini adalah platform kepada bakal pemilik rumah untuk meninjau tawaran menarik daripada ejen hartanah dan juga peluang untuk menambah baik kediaman mereka yang sedia ada. Pada tahun 2015 sahaja, BIBD telah menyediakan pembiayaan melebihi daripada \$142juta dalam pinjaman bagi pembiayaan perumahan dan pembinaan rumah, yang membolehkan lebih daripada 1,800 orang pelanggan dan keluarga mereka mencapai aspirasi untuk memiliki rumah yang diidamkan.

PAMERAN BIBD MEMBAWA PENYELESAIAN KEWANGAN LEBIH DEKAT KEPADА PELANGGAN DI DAERAH BELAIT

Buat julung kalinya BIBD menganjurkan pameran di daerah Belait untuk mendekatkan pelanggannya kepada penyelesaian kewangan yang ditawarkan, tanpa membuat perjalanan jauh ke ibu kota. Promosi dan aktiviti mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD menyerlahkan komitmen BIBD kearah “Berjiwa KeBruneian”, untuk sentiasa memahami dan peka terhadap keperluan pelanggan dan untuk membantu mereka mencapai aspirasi kewangan mereka. Acara itu turut disertai oleh e-vendor tempatan, di samping rakan kongsi terkemuka yang terdiri dari pelabur dan pemaju hartanah, pereka hiasan dalaman, dan juga Takaful.



Mengukuhkan Hubungan Pelanggan

BIBD MENGANJURKAN INISIATIF KESEDARAN BAGI MENYOKONG KEPERLUAN PERNIAGAAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA BRUNEI

Seiring dengan Wawasan 2035 KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan kearah menggalakkan pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Brunei Darussalam, BIBD mengadakan beberapa aktiviti untuk mendekati perniagaan baru dan kecil dalam menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkaitan bagi menyokong keperluan perniagaan, cita-cita dan rancangan pengembangan mereka.

BIBD juga menganjurkan pameran sehari mengenai perkhidmatan Perbankan Perniagaan BIBD Tijarah yang memberi tumpuan kepada menyediakan sokongan untuk pengusaha permulaan tempatan dan SME, bagi membantu mereka untuk merancang dan mengembangkan perniagaan serta mencapai kestabilan kewangan. Pameran itu termasuk pendaftaran perkhidmatan transaksi, penyampaian perkhidmatan e-dagang BIBD dan penyelesaian pembayaran yang membolehkan mereka untuk menjalankan urusan dengan lebih mudah.

Selain itu juga, BIBD telah bekerjasam dengan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dalam menganjurkan ceramah Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), di mana BIBD berkongsi pandangan yang berharga dalam pengurusan perniagaan SME melalui penggunaan alat-alat dan penyelesaian kewangan yang betul. Ceramah tersebut turut mengetengahkan produk dan perkhidmatan yang boleh memenuhi keperluan-keperluan para SME BIBD yang sedia ada dan akan datang.



Mengukuhkan Hubungan Pelanggan



PERDANA PRIVILEGE BANKING BIBD TUAN RUMAH KEJOHANAN GOLF JEMPUTAN 2015

Seratus orang pelanggan BIBD telah dijemput menyertai Kejohanan Golf Jemputan Perdana Privilege Banking BIBD 2015 yang diadakan di Empire Hotel and Country Golf Club, di Jerudong. Kejohanan golf ini dianjurkan untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh di antara BIBD dan para pelanggannya dari segmen Perdana Privilege, Perbankan Korporat dan Institusi. Turut dijemput ialah pegawai kanan dan tetamu penting daripada sektor awam dan swasta.



BIBD MERAIKAN AIDILFITRI BERSAMA PELANGGAN YANG DIHARGAI

BIBD menjadi tuan rumah kepada acara tahunan yang meriah, "Majlis Gema Syawal" untuk para pelanggan dan rakan niaga yang dihargai, dari sektor kerajaan, syarikat korporat, SME dan individu. Majlis ini juga membuka peluang yang bernilai kepada warga kerja BIBD daripada semua bahagian perbankan untuk berinteraksi dengan para pelanggan dan memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan niaga mereka.



Mengembangkan Produk dan Perkhidmatan yang Inovatif



BIBD MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM ANALISIS KEWANGAN DAN PERANCANGAN KEWANGAN ISLAM

BIBD mentauliahkan lebih daripada lima puluh orang pekerja graduan yang menduduki pensijilan Islamic Financial Planners (IFP) daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), serta program daripada Fitch Learning iaitu Corporate Credit Risk Programs. Ini adalah sebahagian daripada usaha BIBD untuk terus membangunkan kebolehan bakat dan kemampuan BIBD dalam perancangan dan pengurusan kewangan Islam, memupuk kemahiran analitikal yang lebih baik bagi menghasilkan penyelesaian pembiayaan Islam. Seiring peredaran waktu, BIBD akan memperlengkapkan lebih ramai tenaga kerja dengan kelayakan yang sewajarnya, untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Program kelayakan IFP bertujuan untuk mengembangkan pakar dalam perancangan kewangan dan pengurusan kekayaan bagi memenuhi keperluan dalam pembaharuan yang berterusan dan permintaan yang semakin meningkat terhadap produk kewangan Islam, dengan standard kecekapan dan amalan etika profesional perancangan kewangan yang lebih tinggi.

Program Risiko Kredit Korporat selama tiga bulan yang dicipta oleh Fitch Learning adalah satu program yang diubahsuai khusus untuk BIBD bagi meningkatkan kemahiran analisis dan penilaian kredit dalam menilai dan menstruktur penyelesaian pembiayaan dengan lebih baik, bagi perniagaan sedia ada dan yang baru seiring dengan pematuhan amalan terbaik industri.



Mengembangkan Produk dan Perkhidmatan yang Inovatif

PELANCARAN CAWANGAN BARU YANG DINAIK TARAF TERMASUK CAWANGAN UTAMA, CAWANGAN MANGGIS, TANJONG BUNUT AND AIRPORT E-BRANCH

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyampaikan pengalaman perbankan yang sebenarnya “Berjiwa KeBruneian”, BIBD telah melengkapkan usaha intensif penjenamaan semula yang bermula pada tahun 2013 dengan beberapa cawangan baru mengguna pakai imej penjenamaan BIBD. Langkah menaik taraf rangkaian cawangan BIBD adalah selaras dengan usaha strategiknya untuk menjadi sebuah bank moden yang bertaraf dunia dan pada masa yang sama mendukung asal-usul dan nilai-nilai KeBruneian dan Islam. Cawangan-cawangan yang dijenamakan semula termasuk Cawangan Utama, Manggis, Tanjung Bunut serta e-cawangan yang terletak di lapangan terbang.

Di bawah konsep baru Cawangan dan Pusat Pembiayaan BIBD, bagi pengurusan perkhidmatan pelanggan yang cekap, cawangan-cawangan kini memberi tumpuan kepada hal-hewal perkhidmatan akaun, manakala semua pertanyaan mengenai pembiayaan dikendalikan oleh Pusat Pembiayaan, yang dikawalselia oleh Pegawai-pegawai BIBD, Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Duta Perkhidmatan dan Pegawai Bank Peribadi yang khusus.

Pada penghujung tahun lalu, ibu pejabat BIBD bersama dengan cawangan utama kami telah dilancarkan oleh YTM Pengiran Muda ‘Abdul Malik.

Ibu pejabat BIBD yang baru, mempunyai bahagian luaran bangunan yang moden, dilengkapi dengan inovasi teknologi untuk kemudahan pelanggan. Warga kerja BIBD juga kini dapat menikmati kemudahan yang dinaik taraf, dengan konsep dalaman terbuka yang moden dan luas untuk persekitaran kerja yang lebih selesa.



Mengembangkan Produk dan Perkhidmatan yang Inovatif

PLATFORM ATAS TALIAN 24/7 UNTUK KEMUDAHAN PERBANKAN SERTA-MERTA KEPADA PELANGGAN

Bagi melengkapkan lagi rangkaian cawangan fizikal BIBD dan bagi menyediakan perbankan serta-merta pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, BIBD memperkenalkan Contact Centre 24/7 khusus berserta dengan pelbagai perkhidmatan yang terdapat di saluran e-banking di laman web BIBD Online dan aplikasi BIBD Mobile. Melalui BIBD Mobile, kini para pelanggan boleh berhubung atau ‘chat’ pada masa nyata dengan pegawai BIBD menerusi aplikasi yang diperkenalkan. Ini membolehkan pengguna untuk berhubung dengan mudah melalui internet, dan mengurangkan keperluan untuk membuat panggilan, satu ciri yang amat berguna bagi mereka yang sedang berada di luar negara.



BIBD BUKA LOUNGE PERDANA KEDUA DI BELAIT

Untuk memberikan pelanggan perbankan istimewa sebuah pengalaman yang lebih mudah dan berkesan, BIBD telah melancarkan pembukaan lounge Perdana Privilege Banking di Kuala Belait. Ini adalah lounge kedua yang dilancarkan di Negara Brunei Darussalam, dan membolehkan BIBD untuk meluaskan lagi perkhidmatan Perdana Privilege Banking kepada pelanggan mewah yang menetap di daerah Belait, dengan menyediakan produk eksklusif, kemudahan dan perkhidmatan perbankan khusus untuk pelanggan istimewa BIBD.



Program Ganjaran

Sepanjang tahun 2015, para pelanggan yang berbankan dengan dan memegang Kad BIBD berpeluang untuk menerima ganjaran atau menyertai pelbagai promosi dan pertandingan yang menarik, sebagai penghargaan diatas sokongan yang biterusan.

KEMEN KAD DEBIT

Pakej Shopping Spree selama 3 hari di Malaysia yang ditaja oleh Pelancangan Malaysia berserta satu ratus ribu BIBD Hadiah Points menjadi milik pemenang bertuah pemegang kad debit BIBD. Pakej ini termasuk tiket penerbangan pergi-balik untuk dua orang berserta dengan penginapan hotel, pengangkutan pergi-balik ke/dari lapangan terbang serta kereta sewa khas untuk 12 jam disediakan bagi kemudahan membeli-belah semasa berada di Kuala Lumpur. BIBD Hadiah Points dapat dikumpul melalui transaksi yang menggunakan Kad Debit dan Kad Kredit BIBD, boleh digunakan sebagai pengecualian Yuran Tahunan, derma kepada badan amal, ditukar ke 'Air Miles' dan juga wang tunai.

SWIPE TO FLY

Dengan berbelanja sebanyak \$30 atau lebih untuk pembelian tunggal menggunakan sebarang kad BIBD atau perkhidmatan BIBD eTunai, para pelanggan berpeluang untuk memenangi dua tiket percutian impian ke Ho Chi Minh, Bali, Dubai atau Melbourne.

SWIPE FOR REWARDS

Baucar beli-belah bernilai BND500 dihadiahkan kepada pelanggan yang bertuah yang berbelanja sekurang-kurangnya BND30 dalam satu resit tunggal menggunakan BIBD Debit atau Kad Kredit di peruncit terpilih.



Program Ganjaran


PEMENANG “LET’S GO MOBILE”

iPhone 6s, iPhone 6 plus dan Jam Tangan Apple, masing-masing sebanyak dua unit menanti pemenang bulanan “Let’s Go Mobile” anjuran BIBD setiap bulan, untuk pengguna BIBD Mobile yang menambah, membayar bil utiliti, membuat pembelian menggunakan BIBD eTunai atau Mastercard Prabayar Maya BIBD, atau memindahkan dana mereka kepada bank-bank tempatan atau antarabangsa.



KEISTIMEWAAN KAD BIBD

Sebanyak 100,000 Hadiah Points menjadi milik pemenang bagi kempen BIBD Card Privileges dimana para pelanggan BIBD menerima diskaun tambahan lapan peratus di atas kadar diskaun biasa di laman web pelancongan popular Agoda, untuk semua tempahan penginapan di destinasi pelancongan terpilih.




PROGRAM HADIAH BARAKAH 6

Kempen BIBD Barakah yang kini memasuki edisi keenam, membuka peluang kepada pelanggan untuk memenangi sebuah Honda Odyssey dan hadiah sagu hati berupa iPhone dan iPad Apple. Pelanggan hanya perlu mendaftar untuk mananya produk pembiayaan BIBD atau membuat pemindahan gaji ke BIBD. Selain itu, hadiah-hadiah bulanan yang terdiri daripada peralatan elektronik seperti TV LED 55”, peti sejuk, mesin basuh, pengoreng udara dan seterika wap juga ditawarkan bagi memastikan momentum kempen yang berterusan.



Aktiviti Korporat

PENGLIBATAN WARGA KERJA
AKTIVITI TAHUNAN
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
PENCAPAIAN DAN ANUGERAH



Penglibatan Warga Kerja

PENGLIBATAN BAKAT UNTUK KEJAYAAN BERTERUSAN

Di BIBD, kami percaya bahawa penglibatan pekerja akan membentuk masa depan untuk pertumbuhan yang berterusan. Kami amat menghargai komitmen dan pencapaian warga kerja kami, dan akan terus menganjurkan program yang melibatkan penyertaan dan mengiktiraf usaha mereka sebagai sebahagian daripada langkah membangunkan tenaga kerja yang bersemangat dan bermotivasi.

Kami menghargai warga kerja yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang melalui platform pengiktirafan seperti Anugerah Perkhidmatan untuk pekerja yang telah lama berkhidmat, Anugerah Star Banker atas prestasi cemerlang dalam perbankan runcit, dan program yang dianjurkan setiap suku tahun, BIBD RISE Staff Recognition Programme yang mengiktiraf kegigihan warga kerja BIBD yang menjalankan tugas, termasuk yang di luar bidang tugas mereka dengan cemerlang. Bank ini juga mengiktiraf sumbangan mantan Pengarah Urusan, Javed Ahmad menerusi penganjuran satu majlis perpisahan sebagai penghargaan kepada beliau selama berkhidmat dengan Bank ini dan mendoakan yang terbaik untuk beliau.

Kami memahami pentingnya kemajuan warga kerja kami dari sudut profesional dan peribadi, termasuk keseimbangan dalam kerjaya dan kehidupan, serta berusaha untuk menyediakan persekitaran yang baik bagi membangun semua aspek kemajuan mereka.

Bagi menggalakkan keseimbangan yang sihat antara kerjaya dan kehidupan sehari-hari, Kelab Sukan dan Rekreasi BIBD (SRC) menganjurkan pelbagai aktiviti sukan dan kesihatan setiap tahun untuk menyemai gaya hidup sihat dan memupuk silaturahim dalam kalangan warga kerja Bank. SRC mencatat satu tahun yang aktif, membukai tirai tahun 2015 dengan penganjuran sulung acara duathlon berlari dan berbasikal, serta climbathon. SRC bersama-sama dengan jawatankuasa yang lain, juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti di sepanjang tahun termasuk kembara berjalan kaki, boling, bola sepak, badminton dan berbasikal. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh semua jabatan di Bank ini, telah dapat menyatukan warga kerjanya serta membina kerja berpasukan dan setiakawan.

Bank ini juga telah menganjurkan beberapa aktiviti keagamaan untuk mewujudkan perpaduan sosial yang lebih baik dalam kalangan warga kerja BIBD. Di bawah anjuran Jawatankuasa Ugama BIBD, aktiviti-aktiviti seperti ceramah oleh jemputan khas, yang diadakan di ibu pejabat BIBD semasa bulan Ramadhan, majlis Tedaruk untuk warga kerjanya, dan juga acara tahunan, iaitu ‘Majlis Khatam Al-Quran dan Majlis Bersungkai’, dianjurkan bagi mendekatkan lagi pihak pengurusan dan warga kerja BIBD dari semua jabatan semasa majlis Iftar.

Seperti di tahun-tahun yang lalu, Majlis Makan Malam Tahunan adalah acara yang dinanti-nantikan oleh warga kerja BIBD. Majlis yang dihadiri oleh kesemua warga kerja Bank, ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah merupakan sebuah acara yang mengalakkkan penglibatan warga kerja Bank, juga memberi peluang kepada Pengarah Urusan untuk berkongsi maklumat mengenai prestasi dan strategi masa hadapan Bank, serta menyampaikan penghargaan kepada semua warga kerja Bank.



Aktiviti Tahunan



BIBD MENGANJURKAN MAJLIS BERTAHLIL DI MAKAM DIRAJA

Warga kerja Kumpulan BIBD, dari Bank, BIBD At-Tamwil, dan BIBD Securities, turut serta dalam ‘Majlis Bertahlil’ yang diadakan pada setiap tahun di Makam Diraja di Jalan Tutong. Jemaah BIBD membacakan Surah Yassin dan Tahlil serta diiringi bacaan doa sebagai memberi penghormatan kepada Almarhum dan Almarhumah ayahanda dan bonda DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Almarhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit Pengiran Bendahara Pengiran Abdul Rahman, serta kerabat diraja yang lain.

SAMBUTAN AIDIL ADHA BERSAMA MASYARAKAT

Bersempena sambutan Aidil Adha, acara tahunan BIBD iaitu upacara Majlis Korban berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jangsa. Seekor kerbau dan 11 ekor lembu telah dikorbankan, dan daging-daging korban tersebut diagihkan kepada kira-kira 100 orang penerima yang terdiri daripada ahli keluarga pelajar program BIBD ALAF, Kompleks Rumah Kebajikan, mualaf, ibu tunggal, warga emas, serta golongan kurang bernasib baik yang lain. BIBD turut mengambil kesempatan untuk menderma 150 buah Surah Yaasin dan buku doa kepada Masjid tersebut.



Tanggungjawab Sosial Korporat

Kami sentiasa dan akan selalu mendukung nilai-nilai yang kami percayai - bahawa kami benar-benar "Berjiwa KeBruneian". Bagi BIBD, menjadi warga Brunei bererti mendukung hasrat kami untuk membantu masyarakat dengan menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang dengan berbakti kepada masyarakat melalui inisiatif CSR kami. Sebagai sebuah bank terkemuka di Brunei, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan nilai kepada negara, masyarakat dan pelanggan yang kami hargai. Objektif CSR kami adalah untuk memperkasakan individu supaya menjadi bertanggungjawab dari segi sosial serta menjalani kehidupan yang bermakna, dan seterusnya mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Kami berusaha untuk mencapai objektif ini dengan menumpukan kepada tiga tonggak teras: pendidikan, keusahawanan dan kemasyarakatan.



Pendidikan adalah kunci kepada kemajuan masyarakat kita



BIBD ALAF MEMUKTAMADKAN SOKONGAN MORA

BIBD menganjurkan majlis memeterai perjanjian dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memutakmadkan kerjasama dan komitmen kami terhadap kejayaan program BIBD ALAF.



KUMPULAN KEDUA BIASISWA ALAF

Kini telah memasuki tahun kedua, seramai lebih tiga puluh orang pelajar telah dianugerahkan biasiswa BIBD ALAF (Advocating Life-long Learning for an Aspiring Future), menjadikan jumlah keseluruhan penerima kepada lebih seratus orang. BIBD ALAF adalah program tanggungjawab sosial korporat utama kami, di mana biasiswa ini memberikan peruntukan kepada para pelajar untuk membayai keperluan yuran sekolah dan pengajian, alat tulis, pengangkutan dan makanan serta bimbingan dan kaunseling. Biasiswa ini membantu memastikan golongan belia disediakan dengan peralatan yang diperlukan agar mereka dapat menumpukan masa dan usaha untuk kemajuan pendidikan mereka. Program ALAF ini juga akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada para pelajar ini sehingga mereka menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Program ALAF dibangunkan dengan kerjasama padu daripada Kementerian Pendidikan untuk memastikan kejayaan dalam pelaksanaan dan peruntukan bantuan kepada program ALAF. Melalui ALAF, BIBD berharap untuk dapat menyelaraskan sokongan kami bagi menepati Wawasan 2035 KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap pendidikan untuk masa depan Negara Brunei Darussalam.



BIBD MELANCARKAN “KEM MODAL INSAN BIBD ALAF 2015” YANG PERTAMA

Untuk menyediakan bantuan serta bimbingan kepada para pelajar di bawah program biasiswa ALAF, BIBD melancarkan “Kem Modal Insan BIBD ALAF” selama tiga hari bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran hidup, motivasi diri dan komunikasi. Pada tahun ini juga, BIBD turut menganjurkan dua kem dengan objektif yang sama, ‘BIBD ALAF Xplorations Camp’ dan ‘Little Caliphs Camp’ untuk mengukuhkan lagi usaha semua pihak berkepentingan yang terlibat, seiring usaha memperkasakan masyarakat kita dengan pendidikan yang lebih baik untuk masa depan yang cerah.



STRONG SUPPORT FOR THE 2015 BIBD CE ALAF SOKONGAN PADU KEPADA BIBD CE ALAF 2015

Hampir 5,000 peserta hadir memberikan sokongan kepada BIBD CE ALAF 2015 (Charity Expedition for Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future Programme). CE merupakan salah satu usaha strategik kami untuk mengumpul dana bagi menampung program ALAF sebagai satu inisiatif jangka panjang.

Mengekalkan kestabilan & pertumbuhan ekonomi melalui celik kewangan untuk rakyat

MENYOKONG KESEDARAN CELIK KEWANGAN DI HARI AMBD

BIBD membantu menekankan kepentingan dalam usaha memupuk celik kewangan di seluruh negara dengan mengambil bahagian dalam Hari AMBD yang julung kali diadakan. Perancang Kewangan Islam bertauliah dari BIBD hadir untuk membantu orang ramai merancang dan menguruskan kewangan mereka dengan menawarkan nasihat pakar mengenai Zakat (pembersihan harta), Wasiat, Hibbah (hadiah) dan pengagihan harta melalui Faraidh.

BIBD Securities, sebuah anak syarikat BIBD, turut hadir untuk menawarkan pelanggan dengan pilihan produk pelaburan Islam seperti saham BIBD, Bursa Saham Asing, Gold Prestige dan Unit Amanah / Mutual Fund (Dana Bersama), yang menawarkan pakej pelbagai tahap risiko yang mudah dikendalikan oleh pelabur individu. Sebagai mendukung wawasan 2035 KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan, BIBD bertekad untuk memastikan kesemua warga kerja barisan hadapan memiliki sijil Perancang Kewangan Islam untuk membantu menggalakkan masyarakat supaya lebih memahami dan celik kewangan.

MENINGKATKAN KESEDARAN AWAM UNTUK PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEBIH BAIK

Objektif Unit Pengurusan Kewangan (WMU) BIBD adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat pengurusan kewangan yang lebih baik sejajar dengan titah YTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota untuk menerapkan pemahaman mengenai kewangan semasa majlis hari AMBD yang julung kali diadakan. Ceramah-ceramah berkisar mengenai amalan terbaik dalam pengurusan kewangan yang merangkumi insurans, pelaburan dan risiko untuk pelajar dari semua peringkat pendidikan serta warga kerja sektor swasta dan awam.

Selain daripada ceramah kewangan, WMU dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB) telah menerbitkan satu siri televisyen mengenai perancangan kewangan yang dinamakan "Secawan Kopi", iaitu satu lagi platform untuk BIBD mendekati orang ramai mengenai kepentingan pengurusan kewangan. Siri ini telah menjemput beberapa individu dengan pelbagai latar belakang untuk berkongsi pandangan mengenai kaedah terbaik bagi menguruskan kewangan mereka, dan dikendalikan oleh Perancang Kewangan Islam bertauliah dari BIBD.



Menjaga warga kita dengan berbakti kepada komuniti



BIBD BERBAKTI KEPADA KANAK-KANAK

KURANG BERNASIB BAIK DI BRUNEI

Dalam meneruskan komitmen kami sejak dahulu lagi, iaitu meningkatkan ekonomi dan masyarakat Brunei, BIBD bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (MCYS) untuk memberikan hadiah galakan istimewa kepada pelajar yang yatim sebagai pengiktirafan kepada kegigihan mereka untuk cemerlang dalam bidang pelajaran melalui "Skim Hadiah Galakan Pelajar-Pelajar Cemerlang".

BIBD turut menyampaikan sumbangan berupa sampul hijau kepada lebih 5,000 orang penerima. Kerjasama dengan JAPEM adalah antara pelbagai cabang usaha BIBD untuk berbakti kepada masyarakat Brunei.

BIBD MENGUNJUNGKI 100 BUAH KEDIAMAN

SEMPENA SIRAH AMAL 2015

Edisi 2015 "Program Sirah Amal BIBD" yang dianjurkan setiap tahun bermula dengan kunjungan ke hampir seratus buah kediaman di Brunei. Kunjungan sempena musim perayaan pada bulan Ramadhan dan Syawal bertujuan untuk menghulurkan bantuan dan memberi keselesaan kepada mereka yang memerlukan.

Inisiatif masyarakat-didahulukan ini menunjukkan komitmen Berjiwa KeBruneian BIBD kepada masyarakat bagi meringankan beban keluarga yang kurang bernasib baik menerusi sumbangan berupa hamper makanan dan keperluan harian lain.

Pencapaian dan Anugerah

BIBD DIIKTIRAF SEBAGAI BANK PALING SELAMAT DAN BEROLEH PENARAFAN TERTINGGI DI BRUNEI, DIANUGERAHI PENARAFAN "A-" DARIPADA STANDARD & POOR

Bank tempatan terbesar di Brunei muncul sebagai sebuah bank yang beroleh penarafan tertinggi di negara ini apabila BIBD diiktiraf dengan penarafan A- oleh Standard & Poor (S&P), sebuah agensi penarafan kredit global. Gred pelaburan Penarafan A- oleh S&P memperakui kemantapan Bank ini untuk memenuhi komitmen kewangannya.


BIBD dinilai berdasarkan kedudukan modal yang kukuh, profil kecairan yang teguh, nisbah rendah pembiayaan daripada deposit dan keupayaan pembiayaan yang mantap. Bersama-sama dengan kualiti aset yang mantap, prinsip BIBD dalam mengimbangi pengurusan risiko yang kukuh dengan peluang pertumbuhan telah menjadikannya sebuah bank yang berhemat lagi progresif. Penarafan ini juga memantapkan kedudukan BIBD sebagai antara yang terbaik di rantau ASEAN, sebaris dengan bank-bank yang mendapat penarafan tinggi di ASEAN dari segi teknologi, rangkaian produk dan perkhidmatan pelanggan.

BIBD DIANUGERAHI BANK RETAIL TERBAIK UNTUK TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT

BIBD sekali lagi dinobatkan sebagai Best Retail Bank (Bank Retail Terbaik) di Brunei untuk tahun 2015 oleh The Asian Banker. Selama tiga tahun berturut-turut BIBD telah berjaya mencapai dan mengekalkan anugerah berprestij daripada perunding penyelidikan, penanda aras dan risikan perkhidmatan kewangan terkemuka di rantau ini.

Anugerah ini adalah satu pengiktirafan kepada inovasi dan transformasi BIBD – penjenamaan semula dan proses-proses yang telah menyumbang kepada pengalaman pelanggan yang lebih cekap dan menyeronokkan.

The Asian Banker turut memuji BIBD atas prestasi peneraju-pasarnya yang cemerlang, yang dicapai melalui strategi bank dalam mengembangkan produk dan segmen yang menguntungkan. BIBD juga berjaya mengurangkan pergeseran pelanggan dengan memberi tumpuan kepada usul-usul bermanfaat yang berkaitan dan melaksanakan teknik pengekalan pelanggan yang lebih baik.



Pencapaian dan Anugerah

ANUGERAH KEWANGAN GLOBAL

BIBD telah menerima anugerah Global Finance untuk Best Emerging Market Bank (Bank Terbaik untuk Pasaran Baru Muncul) dan Best Islamic Financial Institution (Institusi Kewangan Islam Terbaik) untuk Brunei, serta mempertahankan anugerah-anugerah ini tiga tahun berturut-turut. Global Finance memilih pemenang berdasarkan pertumbuhan aset, keuntungan, hubungan strategik, perkhidmatan pelanggan, harga yang kompetitif, dan produk yang inovatif. Di samping itu, satu tinjauan pembaca korporat Global Finance telah dijalankan untuk meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan keputusan tersebut.

Anugerah itu dilihat sebagai satu cara untuk memberi penghormatan kepada bank-bank yang mempunyai komitmen yang meluas kepada pasaran di mana mereka beroperasi, dan memahami keperluan khusus pelanggan yang berpusat di pasaran tersebut.

ANUGERAH KEPUJIAN BERGANDA DALAM BERITA

ANUGERAH KEPUJIAN BERGANDA DI BERITA KEWANGAN ISLAM: BANK ISLAM TERBAIK DI BRUNEI DAN QATAR DEAL OF THE YEAR

BIBD telah diumumkan sebagai pemenang untuk dua kategori di Islamic Finance News (IFN) Awards 2015, untuk anugerah Qatar Deal of the Year dan Islamic Bank of the Year Brunei.


Anugerah Qatar Deal of The Year diberikan atas pembabitannya sebagai salah satu daripada Pengatur Utama untuk Sindiket Ijarah Antarabangsa bernilai AS \$ 500 bagi Ezdan Holdings. Perjanjian Islam 100% itu dipatuhi dengan ketat mengikut piawaian Ijarah dan Persatuan Pasaran Pinjaman, dan merupakan yang pertama seumpamanya untuk sebuah syarikat Qatar dan industri harta tanah Qatar. Perjanjian itu juga mampu menarik minat lebih banyak institusi konservatif.

Pengiktirafan untuk Islamic Bank of the Year Brunei meneruskan rentetan anugerah Bank Terbaik di Brunei buat BIBD, satu keunggulan yang mengukuhkan komitmennya untuk memberikan khidmat terbaik kepada pelanggan dan komuniti.



Bank Islam Brunei Darussalam dan Anak-Anak Syarikat


PENYATA KEWANGAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015



Laporan Lembaga Pengarah.....	1
Laporan Badan Penasihat Syariah.....	5
Laporan Juruaudit Bebas.....	7
Penyata Pendapatan.....	FS1
Penyata Pendapatan Komprehensif.....	FS2
Penyata Kedudukan Kewangan.....	FS3
Gabungan Penyata Perubahan Ekuiti	FS5
Penyata Perubahan Ekuiti	FS7
Penyata Aliran Tunai	FS9
Nota-nota kepada Penyata Kewangan.....	FS12
1 Aktiviti utama dan maklumat am	FS12
2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting	FS12
2.1 Dasar penyediaan	FS12
(a) Penyata pematuhan	FS12
(b) Kaedah pengukuran.....	FS15
(c) Fungsi dan pembentangan matawang	FS15
(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan.....	FS15
2.2 Asas penggabungan.....	FS16
2.3 Matawang asing	FS18
2.4 Tunai dan kesetaraan tunai.....	FS18
2.5 Instrumen kewangan	FS19
2.6 Hartanah dan peralatan.....	FS23
2.7 Pelaburan hartaanah	FS24
2.8 Aset pajakan– pajakan operasi.....	FS24
2.9 Kemerosotan	FS25
2.10 Deposit, pembiayaan dan liabiliti-liabiliti lain.....	FS27
2.11 Peruntukan	FS27
2.12 Liabiliti kontingen.....	FS28
2.13 Aset kontingen	FS28
2.14 Modal saham	FS28
2.15 Pengiktirafan pendapatan	FS28
2.16 Cukai pendapatan.....	FS29
2.17 Zakat	FS30
2.18 Manfaat kakitangan.....	FS30
2.19 Pendapatan sesaham biasa.....	FS30
3 Keuntungan daripada pembiayaan, pajakan dan pelaburan	FS31
4 Keuntungan dibayar/akan dibayar kepada pendeposit	FS31
5 Kerugian daripada derivatif dan pelaburan	FS31
6 Pendapatan bersih yuran dan komisen	FS32
7 Pendapatan operasi lain	FS32
8 Perbelanjaan kakitangan.....	FS33
9 Perbelanjaan lain	FS33
10 Peruntukan bagi kemerosotan pembiayaan dan pendahuluan (bersih).....	FS34
11 Peruntukan kemerosotan keatas pelaburan.....	FS34
12 Zakat.....	FS34
13 Cukai	FS35
14 Dividen bagi setiap saham biasa	FS36
15 Pendapatan sesaham	FS36

16	Tunai dan kesetaraan tunai	FS37
17	Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam	FS37
18	Penempatan dengan dan pembiayaan dan pendahuluan kepada Bank	FS37
19	Sukuk Kerajaan	FS37
20	Pelaburan	FS38
21	Aset kewangan derivatif/(liabiliti)	FS39
22	Pembiayaan dan pendahuluan	FS39
23	Pajakan kewangan yang belum diterima	FS43
24	Pelaburan dalam anak-anak syarikat	FS43
25	Pelaburan dalam syarikat bersekutu	FS46
26	Aset lain	FS47
27	Hartanah dan peralatan	FS48
28	Pelaburan harta tanah	FS50
29	Aset cukai tertunda/(liabiliti)	FS51
30	Deposit daripada pelanggan	FS51
31	Deposit daripada Bank dan institusi kewangan lain	FS52
32	Liabiliti lain	FS53
33	Peruntukan zakat dan cukai	FS53
34	Modal saham	FS53
35	Saham perbendaharaan	FS54
36	Rizab berkanun dan rizab-rizab lain	FS55
37	Transaksi dengan pihak-pihak yang berkenaan	FS56
38	Pengurusan risiko kewangan	FS60
39	Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan	FS102
40	Komitmen pajakan	FS109
41	Aset dan liabiliti bukan semasa	FS109
42	Komitmen	FS110
43	Kecukupan modal	FS110
44	Liabiliti kontingen	FS113
45	Peristiwa berikutnya	FS113
	Laporan Juruaudit Bebas Asal (<i>Auditors' Report</i>)	Appendix 1





Laporan Lembaga Pengarah

Para Ahli Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dengan penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (“Bank”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”) yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Aktiviti Utama

Bank terutamanya terlibat di dalam penyediaan perniagaan perbankan secara Islam seperti yang dibenarkan dibawah Perintah Perbankan Islam, 2008 dan prinsip-prinsip Syariah.

Anak-anak syarikat terutamanya terlibat di dalam penyediaan perbankan pelaburan sewa beli secara Islam, broker stok, pengurusan aset dan dana, dan perkhidmatan pajakan dan pengurusan.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan ini.

Keputusan

	Kumpulan B\$'000	Bank B\$'000
Keuntungan pada tahun ini Diagihkan kepada:		
Pemegang ekuiti Bank	113,588	100,623
Kepentingan tidak dikawal	(6,872)	–
	<hr/> 106,716	<hr/> 100,623

Dividen

Dividen bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	B\$'000
Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014:	
Dividen terakhir 5.7 sen sesaham biasa dibayar pada	
04 Disember 2015	41,311

Di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividend terakhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 sebanyak 7.3 sen pada jumlah saham biasa sebanyak 724,749,513, berjumlah B\$52,906,714 akan dicadangkan.

Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh laporan ini adalah:

Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah (Pengerusi)

Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan

Junaidi bin Hj Masri

Dr Jan Hendrik van Greuning

Mubashar Khokhar (Pengarah Urusan, dilantik pada 30 November 2015)

Abdulaziz Mohammed L. Alsubeaei

Dr Abdul Manaf bin Haji Metussin

Mozart bin Haji Brahim (Pengarah bersilih ganti bagi Junaidi bin Hj Masri)

Manfaat Para Pengarah

Tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dan tidak juga pada sepanjang tahun itu wujud sebarang perundingan yang mana Bank sebagai pihak dan pengarah mungkin beroleh manfaat dengan cara perolehan saham dari Bank atau badan korporat lain.

Sejak daripada penghujung tahun kewangan sebelumnya, tidak ada para pengarah yang menerima atau layak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk di dalam jumlah pendapatan yang diterima atau yang akan diterima oleh pengarah-pengarah, atau gaji tetap yang diterima sebagai kakitangan tetap Bank seperti yang dinyatakan di Nota 37 Penyata Kewangan) secara kontrak oleh Bank atau syarikat yang berkaitan dengan mana-mana pengarah atau firma dimana pengarah tersebut menjadi ahli, atau syarikat yang mana pengarah tersebut ada kepentingan kewangan yang ketara.



Kepentingan Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah berikut adalah pemegang jawatan Pengarah pada akhir tahun kewangan, menurut daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Seksyen 95, Akta Syarikat Syarikat, Bab 39, dan berkepentingan di dalam saham-saham Bank yang dinyatakan di bawah:-

Nama-nama pengarah	Nilai saham biasa pada BS1 sesaham	
	Pada permulaan tahun/Tarikh lantikan	Pada Penghujung tahun
Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah	4,441	4,441
Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan	1	1
Javed Ahmad bin Kamil Hasan	5,001	-
Junaidi bin Masri	1	1
Mubashar Khokhar	-	1

Selain daripada yang telah dinyatakan, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan didalam saham Bank atau syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah bertarikh 16 Mac 2016.

Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi

Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan

Junaidi bin Hj Masri
Pengarah

Brunei Darussalam



Kenyataan Pengarah

Pada pendapat pengarah-pengarah, penyata kewangan dari mukasurat FS1 hingga FS113 adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards – IFRS), dan peruntukan bagi Perintah Perbankan Islam, 2008 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan fungsi Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah:

Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi

Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan

Junaidi bin Hj Masri
Pengarah

Brunei Darussalam
16 Mac 2016



Laporan Badan Penasihat Syariah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آل وصحبه أجمعين

Kepada Pemegang Saham Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi memenuhi keperluan terma-terma perlantikan dan juga di bawah bidangkuasa kami sebagai Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, sukacita kami melaporkan seperti berikut:

- a) Kami telah menyemak prinsip-prinsip kontrak yang digariskan di dalam akad perjanjian yang berkaitan dengan transaksi serta aplikasi prinsip-prinsip tersebut di dalam produk dan perkhidmatan yang telah diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan Kumpulannya (“Bank”) sepanjang tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2015 untuk memastikan ianya selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah.
- b) Bagi memastikan Bank telah mematuhi peraturan dan prinsip-prinsip Syariah serta ketetapan yang telah kami berikan, kami juga telah menjalankan fungsi pengawasan kami melalui perlaksanaan fungsi semakan dan audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Syariah.
- c) Kami telah menilai kerja-kerja yang dilakukan oleh Jabatan Syariah dan keberkesanannya dalam melaksanakan Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah termasuk perlaksanaan semakan Syariah sebelum dan sesudah, terhadap transaksi perniagaan secara ujian, dokumentasi berkaitan dan prosedur yang digunakan dan/atau dimasuki oleh BIBD.
- d) Pihak Pengurusan Bank bertanggungjawab untuk memastikan operasi perniagaan yang dijalankan adalah selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan secara bebas berdasarkan penilaian kami terhadap operasi perniagaan Bank ini dan selanjutnya melaporkan kepada awda.
- e) Kami telah mendapatkan segala maklumat serta penerangan yang sewajarnya daripada pihak Bank untuk mengemukakan bukti yang mencukupi bagi membolehkan kami membuat pertimbangan dan memberikan pengesahan yang munasabah bahawa pihak Bank tidak melanggar mana-mana peraturan dan prinsip Syariah dalam semua transaksi perniagaannya sebagaimana yang telah dihadapkan kepada kami.

Dengan itu, kami, Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dengan ini berpandangan dan mengesahkan bahawa:

- a. Produk dan perkhidmatan, akad perjanjian serta transaksi urusniaga yang dilakukan oleh Bank sepanjang tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2015 sebagaimana yang telah kami semak adalah patuh Syarak;
- b. Pendapatan tercemar yang diperolehi daripada sumber atau cara yang tidak memenuhi keperluan Syarak telah diasingkan dan ditetapkan untuk disalurkan kepada perkara kebajikan; dan
- c. Zakat perniagaan Bank adalah selaras dengan kaedah pengiraan zakat sebagaimana yang telah diluluskan oleh Badan ini.

Pandangan ini diberikan adalah berdasarkan apa yang telah disampaikan oleh pihak pengurusan Bank kepada kami.

Kami berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan inayahNya dalam melaksanakan hukum Perbankan Islam dan terhindar daripada melakukan perkara yang ditegah olehNya. Kami juga memohon semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan taufik dan hidayatNya kepada kami dalam melakukan kerja-kerja yang mulia ini serta memperolehi kejayaan dan keampunan di dunia dan di akhirat. **آمين**

والله ولي التوفيق والهدایة

Ditandatangani bagi pihak Badan Penasihat Syariah berdasarkan kepada resolusi ahli Badan,

**Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin
Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof**
Pengerusi

Brunei Darussalam
22 April 2016



KPMG LLP
16 Raffles Quay #22-00
Hong Leong Building
Singapore 048581

Telephone +65 6213 3388
Fax +65 6225 0984
Internet www.kpmg.com.sg

Laporan Juruaudit Bebas

Ahli-Ahli Bank
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (Bank) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan) seperti yang dilampirkan, yang terdiri dari penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2015, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata bagi perubahan ekuiti dan aliran wang tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir, dan nota-nota yang mengandungi ringkasan dasar perakaunan yang penting dan maklumat penjelasan lain, seperti yang dilampirkan pada mukasurat FS1 hingga FS113.

Tanggungjawab Pengarah bagi Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah Bank adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan penyampaian yang saksama bagi penyata kewangan menurut peruntukan Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam, Bab 39 (Akta) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards). Tanggungjawab ini merangkumi: merangka, melaksana dan memelihara kawalan dalaman yang berkaitan dengan persediaan dan penyampaian penyata kewangan yang saksama yang bebas dari penyataan yang salah, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan; pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan penggunaan anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan tertentu.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk memberikan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperolehi jaminan yang munasabah samada penyata kewangan bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan perlaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko akibat penyataan salah nyata bagi penyata kewangan yang ketara samada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mengambil kira kawalan dalaman sebuah entiti berkaitan dengan persediaan dan penyampaian penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dalam segala hal, tetapi bukan untuk tujuan menghuraikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, serta penilaian terhadap keseluruhan penyampaian penyata kewangan.



Kami percaya bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami;

- (a) penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang disediakan dan dinyatakan dengan wajarnya adalah mengikut peruntukan sesuai dengan Akta dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards) untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2015, dan prestasi kewangan, perubahan ekuiti dan aliran wang tunai bagi Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan berakhir tersebut menurut maklumat yang terbaik dan penjelasan diberikan kepada kami dan seperti yang ditunjukkan dalam buku-buku Bank; dan
- (b) Kami telah memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang diperlukan.

KPMG LLP

*Akauntan Awam Singapura dan
Akauntan Bertauliah Singapura*

David Waller

Akauntan Awam Brunei Darussalam

Singapura

16 Mac 2016

Nota: Sila rujuk Auditors' Report asal pada Appendix 1

Penyata Pendapatan
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2015 B\$'000	2014 B\$'000	2015 B\$'000	2014 B\$'000
Pendapatan daripada pembiayaan, pelaburan dan pajakan	3	257,918	238,106	208,274	194,615
Pendapatan yang dibayar kepada penyimpan	4	(29,385)	(21,787)	(26,395)	(18,399)
Margin keuntungan bersih		228,533	216,319	181,879	176,216
Pendapatan yuran dan komisen	6	30,137	23,073	28,664	23,073
Perbelanjaan yuran dan komisen	6	(3,995)	(3,094)	(3,995)	(3,094)
Pendapatan bersih yuran dan komisen		26,142	19,979	24,669	19,979
Kerugian dari derivatif dan pelaburan	5	(148,980)	(93,466)	(149,613)	(95,285)
Pendapatan operasi lain	7	215,252	119,778	195,128	108,475
Jumlah pendapatan		320,947	262,610	252,063	209,385
Ditolak:					
Perbelanjaan kakitangan	8	(63,656)	(55,496)	(50,016)	(47,780)
Perbelanjaan lain	9	(67,036)	(47,181)	(45,268)	(36,959)
Jumlah perbelanjaan operasi		(130,692)	(102,677)	(95,284)	(84,739)
Keuntungan operasi sebelum elauan		190,255	159,933	156,779	124,646
Ditolak:					
Elaun bersih bagi kemerosotan pembiayaan dan pendahuluan	10	(34,905)	(18,033)	(32,261)	(16,183)
Elaun bagi kemerosotan pembayaran yang belum diterima		(19,460)	–	–	–
Elaun bersih bagi kemerosotan pelaburan	11	–	(350)	–	(350)
Keuntungan operasi		135,890	141,550	124,518	108,113
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu	25	2,365	2,246	–	–
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		138,255	143,796	124,518	108,113
Ditolak:					
Zakat	12	(3,112)	(3,065)	(3,112)	(3,065)
Cukai	13	(28,427)	(29,216)	(20,783)	(21,124)
Jumlah perbelanjaan zakat dan cukai		(31,539)	(32,281)	(23,895)	(24,189)
Keuntungan bagi tahun kewangan		106,716	111,515	100,623	83,924
Keuntungan bagi tahun kewangan diagihkan kepada:					
Pemegang saham Bank		113,588	109,271	100,623	83,924
Kepentingan tidak dikawal		(6,872)	2,244	–	–
Keuntungan bagi tahun kewangan		106,716	111,515	100,623	83,924
Pendapatan sesaham					
Pendapatan asas bagi setiap saham (B\$)	15	0.16	0.15		
Pendapatan yang dicairkan bagi setiap saham (B\$)	15	0.16	0.15		

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Pendapatan Komprehensif
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015**

	Kumpulan		Bank	
	2015 B\$'000	2014 B\$'000	2015 B\$'000	2014 B\$'000
Keuntungan bagi tahun	106,716	111,515	100,623	83,924
Pendapatan komprehensif lain:				
<i>Perkara yang atau mungkin dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</i>				
Rizab nilai saksama (aset kewangan sedia untuk jualan):				
- Perubahan bersih nilai saksama	(22,091)	3,869	(21,854)	4,560
- Jumlah bersih yang dipindahkan pada untung atau rugi	48	(264)	48	(264)
Bahagian daripada pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	103	1,117	–	–
Cukai pada pendapatan komprehensif	4,304	(884)	4,037	(821)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, bersih cukai	(17,636)	3,838	(17,769)	3,475
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	89,080	115,353	82,854	87,399
Diagihkan kepada:				
Pemegang saham Bank	95,952	113,109	82,854	87,399
Kepentingan tidak dikawal	(6,872)	2,244	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	89,080	115,353	82,854	87,399

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Kedudukan Kewangan
Pada 31 Disember 2015**

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2015 B\$'000	2014 B\$'000	2015 B\$'000	2014 B\$'000
Aset					
Tunai dan kesetaraan tunai	16	888,313	1,185,467	892,387	1,286,103
Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam	17	382,383	353,796	350,741	325,015
Penempatan, pembiayaan dan pendahuluan kepada Bank	18	1,897,463	2,062,491	2,159,063	2,262,791
Sukuk Kerajaan	19	20,751	55,977	20,751	55,977
Pelaburan	20	614,344	757,649	602,997	747,394
Aset kewangan derivatif	21	27,971	1,019	27,971	1,019
Pembiayaan dan pendahuluan	22	3,391,737	2,986,860	2,815,031	2,425,531
Pajakan kewangan yang belum diterima	23	12,526	12,498	12,526	12,498
Pelaburan dalam anak syarikat	24	—	—	36,682	36,682
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	25	13,829	11,361	7,080	7,080
Aset lain	26	26,994	32,541	42,065	44,629
Hartanah dan peralatan	27	184,489	178,522	46,641	31,333
Pelaburan Hartanah	28	28,646	29,808	28,646	29,808
Aset cukai tertunda	29	10,790	2,275	13,838	5,805
Jumlah aset		7,500,236	7,670,264	7,056,419	7,271,665
Liabiliti dan ekuiti					
Deposit daripada pelanggan	30	5,367,152	5,580,956	5,242,793	5,404,718
Deposit daripada Bank dan Institusi					
Kewangan lain	31	545,214	503,014	452,713	496,516
Liabiliti kewangan derivatif	21	68,796	127,435	68,796	127,435
Liabiliti lain	32	92,746	82,921	72,422	68,000
Zakat	33	3,805	3,325	3,805	3,325
Peruntukan cukai	33	68,479	64,552	52,669	49,993
Jumlah liabiliti		6,146,192	6,362,203	5,893,198	6,149,987
Ekuiti					
Modal Saham	34	724,750	724,750	724,750	724,750
Saham Perpendaharaan	35	(3)	(3)	—	—
Dana rizab berkanun	36	420,531	385,875	385,526	352,870
Rizab-rizab lain	36	182,341	162,356	52,945	44,058
Jumlah ekuiti yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank		1,327,619	1,272,978	1,163,221	1,121,678
Kepentingan tidak dikawal		26,425	35,083	—	—
Jumlah ekuiti		1,354,044	1,308,061	1,163,221	1,121,678
Jumlah liabiliti dan ekuiti		7,500,236	7,670,264	7,056,419	7,271,665

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

Pengesahan

Saya mengesahkan bahawa penyata kewangan seperti yang dinyatakan di atas memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah.

Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi

Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan

Junaidi bin Hj Masri
Pengarah

Brunei Darussalam
16 Mac 2016

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Gabungan Penyata Perubahan Ekuiti
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015**

		Diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank					
		Rizab-rizab lain					
Kumpulan	Nota	Modal saham B\$'000	Saham perpendaharaan B\$'000	Dana rizab berkanun B\$'000	Rizab nilai saksama B\$'000	Pendapatan yang ditanah B\$'000	Jumlah dana pemegang saham B\$'000
Pada 1 Januari 2015		724,750	(3)	385,875	3,275	159,081	1,272,978
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	–	113,588	35,083
Pendapatan komprehensif lain		–	–	–	(17,636)	–	(6,872)
Jumlah pendapatan		–	–	–	(17,636)	113,588	–
kompprehensif bagi tahun		–	–	–	(17,636)	95,952	(17,636)
Pemindahan kepada rizab		–	–	34,656	–	(34,656)	–
berkanun		–	–	–	–	–	–
Transaksi dengan pemilik- pemilik Bank							
Sumbangan dan pembahagian							
Dividen dibayar kepada saham		–	–	–	–	(41,311)	–
biasa		14	–	–	–	(41,311)	(41,311)
Penebusan daripada kepentingan		–	–	–	–	–	–
tidak dikawal		–	–	–	–	–	(1,786)
Jumlah sumbangan dan		–	–	–	–	(41,311)	(41,311)
pembahagian		–	–	–	–	(1,786)	(1,786)
Pada 31 Disember 2015		724,750	(3)	420,531	(14,361)	196,702	1,327,619
						26,425	1,354,044

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Gabungan Penyata Perubahan Ekuiti (sambungan)
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015**

		Diagharkan kepada pemegang ekuiti Bank							
		Rizab-rizab lain							
Kumpulan	Nota	Modal saham B\$'000	Saham perbendaharaan B\$'000	Dana rizab berkarun B\$'000	Rizab nilai saksama B\$'000	Pendapatan yang ditahan B\$'000	Jumlah dana pemegang saham B\$'000	Kepentingan tidak dikawal B\$'000	Jumlah ekuiti B\$'000
Pada 1 Januari 2014		724,750	(2,872)	294,147	(563)	170,528	1,185,990	24,685	1,210,675
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	109,271	109,271	2,244	111,515
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-	3,838	-	3,838	-
<u>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun</u>		-	-	-	-	3,838	109,271	113,109	115,353
Pelupusan saham bank yang dipegang oleh anak-anak syarikat		-	2,869	-	-	-	-	2,869	-
Pemindahan kepada rizab berkanun		-	-	43,642	-	(43,642)	-	-	-
Pemindahan tambahan kepada dana rizab berkanun		-	-	48,086	-	(48,086)	-	-	-
Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank									
Sumbangan dan pembahagian									
Dividen dibayar kepada saham biasa	14	-	-	-	-	(28,990)	(28,990)	(2,000)	(30,990)
Sumbangan daripada kepentingan tidak dikawal		-	-	-	-	-	-	10,154	10,154
<u>Jumlah sumbangan dan pembahagian</u>		-	-	-	-	(28,990)	(28,990)	8,154	(20,836)
Pada 31 Disember 2014		724,750	(3)	385,875	3,275	159,081	1,272,978	35,083	1,308,061

Notar-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

Penyata Perubahan Ekuiti
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015

Bank	Nota	Modal saham B\$'000	Rizab berkanun B\$'000	Rizab nilai saksama B\$'000	Pendapatan yang ditahan B\$'000	Jumlah B\$'000
Pada 1 Januari 2015		724,750	352,870	2,096	41,962	1,121,678
Keuntungan bagi tahun		–	–	–	100,623	100,623
Pendapatan komprehensif lain		–	–	(17,769)	–	(17,769)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		–	–	(17,769)	100,623	82,854
Pemindahan kepada dana rizab berkanun		–	32,656	–	(32,656)	–
Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank						
Sumbangan dan pembahagian						
Dividen dibayar kepada saham biasa	14	–	–	–	–	(41,311)
Jumlah sumbangan dan pembahagian		–	–	–	–	(41,311)
Pada 31 Disember 2015		724,750	385,526	(15,673)	68,618	1,163,221

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Perubahan Ekuiti (sambungan)
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015**

Bank	Nota	Modal saham B\$'000	Rizab berkanun B\$'000	Rizab-rizab lain -----		
				Rizab nilai saksama B\$'000	Pendapatan yang ditahan B\$'000	Jumlah B\$'000
Pada 1 Januari 2014	724,750		262,822	(1,379)	77,076	1,063,269
Keuntungan bagi tahun	—		—	—	83,924	83,924
Pendapatan komprehensif lain	—		—	3,475	—	3,475
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	—		—	3,475	83,924	87,399
Pemindahan kepada dana rizab berkanun	—		41,962	—	(41,962)	—
Pemindahan tambahan kepada dana rizab berkanun	—		48,086	—	(48,086)	—
Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank						
Sumbangan dan pembahagian						
Dividen dibayar kepada saham biasa	14	—	—	—	(28,990)	(28,990)
Jumlah sumbangan dan pembahagian	—	—	—	—	(28,990)	(28,990)
Pada 31 Disember 2014	724,750	352,870	2,096	41,962	1,121,678	

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

Penyata Aliran Tunai
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015

	Kumpulan	Bank		
	2015 B\$'000	2014 B\$'000	2015 B\$'000	2014 B\$'000
Aliran wang tunai daripada aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	138,255	143,796	124,518	108,113
Pelarasan bagi:				
Pendapatan dividen	(2,418)	(1,270)	(1,950)	(748)
Elaun bagi kemerosotan pembiayaan dan pendahuluan	34,905	18,033	32,261	16,183
Elaun bagi kemerosotan pembayaran yang belum diterima	19,460	—	—	—
Perubahan nilai saksama bagi derivatif dan pelaburan	(19,251)	4,036	(18,618)	3,806
Susut nilai bagi harta tanah, kilang dan peralatan dan pelaburan harta tanah	24,597	16,358	14,593	13,066
Kemerosotan daripada pelaburan, bersih	—	350	—	350
Keuntungan dari pelupusan harta tetap	—	(44)	—	(46)
Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu	(2,365)	(2,246)	—	—
Keuntungan dari penyahiktirafan pembiayaan	—	(2,394)	—	(2,394)
Keuntungan operasi sebelum perubahan aset dan liabiliti operasi	193,183	176,619	150,804	138,330
Perubahan dalam aset operasi dan liabiliti operasi:				
Deposit dari pelanggan bukan Bank	(193,293)	983,264	(141,414)	1,021,879
Deposit dan baki Bank-Bank	42,200	83,320	(43,803)	100,653
Liabiliti lain	9,822	16,212	4,417	10,783
Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam	(28,587)	(46,507)	(25,726)	(41,840)
Deposit dan penempatan di Bank dan institusi kewangan lain	122,575	(251,926)	61,275	(381,227)
Sukuk Kerajaan dan bil perpendaharaan	35,226	(27,991)	35,226	(27,991)
Pelaburan	104,526	(33,358)	105,222	(33,861)
Penempatan daripada institusi kewangan lain	—	(104,401)	—	(104,401)
Pembiayaan dan pendahuluan	(449,548)	(142,640)	(431,528)	(128,992)
Aset lain	(13,940)	(6,010)	2,540	(5,771)
Wang tunai daripada aktiviti operasi	(177,836)	646,582	(282,987)	547,562
Zakat yang dibayar	(2,632)	(2,356)	(2,632)	(2,356)
Cukai yang dibayar	(28,711)	(27,189)	(22,104)	(21,874)
Dividen yang diterima	2,418	1,270	1,950	748
Jumlah wang tunai bersih (yang digunakan)/daripada aktiviti operasi	(206,761)	618,307	(305,773)	524,080

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

Penyata Aliran Tunai (sambungan)
Pada tahun berakhir 31 Disember 2015

	Kumpulan		Bank	
	2015 B\$'000	2014 B\$'000	2015 B\$'000	2014 B\$'000
Aliran wang tunai daripada aktiviti pelaburan				
Pembelian harta tanah dan peralatan	(29,205)	(126,590)	(28,541)	(11,031)
Hasil dari pelupusan harta tanah dan peralatan	–	61	–	61
Pembelian pelaburan harta tanah	(197)	(679)	(197)	(679)
Pembelian pelaburan dalam usahasama	–	–	–	(10,199)
Wang tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(29,402)	(127,208)	(28,738)	(21,848)
Aliran wang tunai daripada aktiviti pembiayaan				
Dividen yang dibayar	(41,311)	(30,990)	(41,311)	(28,990)
Modal yang (ditebus)/disumbangkan daripada kepentingan tidak dikawal	(1,786)	10,154	–	–
Hasil daripada penjualan/(pembelian) saham perpendaharaan	–	2,869	–	–
Wang tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(43,097)	(17,967)	(41,311)	(28,990)
Perubahan bersih dan kesetaraan tunai	(279,260)	473,132	(375,822)	473,242
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	1,185,467	690,814	1,286,103	791,340
Kesan daripada turun naik pertukaran matawang pada tunai dan kesetaraan tunai	(17,894)	21,521	(17,894)	21,521
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	888,313	1,185,467	892,387	1,286,103

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

Penyata mengikut Seksyen 125 Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam

Gabungan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 seperti yang dinyatakan di dalam gabungan penyata kewangan Bank, termasuk perkongsian untung/(rugi) dari anak-anak syarikat berikut, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015:

- (a) BIBD At-Tamwil Bhd
- (b) BIBD Securities Sdn Bhd
- (c) IDBB Sukuk Inc
- (d) BIBD Management & Services Bhd
- (e) IBB Capital Asset Management Sdn Bhd
- (f) Belait Barakah Sdn Bhd
- (g) BIBD Al-Kauthar Funds DCC Incorporated
- (h) IBB Transport Sdn Bhd
- (i) Saujana Sdn Bhd
- (j) BIBD Global Equity Funds
- (k) BIBD Asia Equity Funds
- (l) Belait CSS Sdn Bhd

Pada tahun ini, tiada peruntukan bagi sebarang kerugian telah dibuat untuk pelaburan Bank di anak-anak syarikat. Keuntungan atau kerugian Bank dan anak-anak syarikat telah diambil kira oleh Lembaga Pengarah Bank dalam pengiraan keuntungan Kumpulan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



Dato Paduka Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi



Mubashar Khokhar
Pengarah Urusan



Junaidi bin Hj Masri
Pengarah

Brunei Darussalam
16 Mac 2016

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

1 Aktiviti utama dan maklumat am

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ('Bank') diperbadankan dan bermastautin di Negara Brunei Darussalam. Alamat Bank yang berdaftar ialah Bangunan BIBD, Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711, Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti utama Bank terdiri dari semua urusan perbankan Islam mengikut prinsip-prinsip Syariah sebagaimana dibenarkan dibawah Perintah Perbankan Islam, 2008.

Aktiviti utama bagi anak-anak syarikat adalah terdiri dari sewa-beli secara Islam, broker stok/saham, pengurusan aset dan dana, penyewaan dan perkhidmatan pengurusan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama di sepanjang tahun kewangan ini.

Gabungan penyata kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2015 terdiri daripada Bank dan anak-anak syarikatnya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan" dan secara individu sebagai "Entiti Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan di syarikat bersekutu.

2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

2.1 Dasar penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS).

Dasar perakaunan dan kaedah pengiraan digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

Piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board - IASB) tetapi belum berkuatkuasa bagi Kumpulan dan Bank. Kumpulan dan Bank berniat untuk menerima pakai piawaian dan tafsiran ini, jika perlu, apabila berkuatkuasa.

(i) IFRS 9 Instrumen kewangan

IFRS 9 memperkenalkan keperluan terbaru bagi klasifikasi dan penilaian instrumen kewangan, kaedah mengukur kemerosotan berdasarkan model jangkaan kerugian, dan memperkenalkan keperluan terbaru untuk perlindungan ('hedge accounting').

Keperluan IFRS 9 menjelaskan perubahan tertentu daripada keperluan yang sedia ada dalam IAS 39 berkenaan dengan aset kewangan. Piawaian ini mengandungi dua kategori utama bagi aset kewangan: kos terlunas dan nilai saksama. Aset kewangan akan diukur pada kos terlunas jika ia dipegang di dalam modal perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset bagi pengumpulan aliran wang tunai secara kontrak, dan terma kontrak aset memberi peningkatan pada tarikh tertentu kepada aliran wang tunai yang hanya membayar bayaran modal dan faedah ke atas modal asas yang tertunggak. Piawaian ini mengeluarkan kategori IAS 39 iaitu dipegang hingga matang, sedia untuk jualan dan pinjaman dan bayaran yang belum diterima. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk urusniaga, piawaian ini membenarkan pemilihan yang tidak boleh ditarik balik, pada pengiktirafan permulaan, pada asas saham-demi-saham individu, untuk membentangkan semua perubahan nilai saksama daripada pelaburan dalam pendapatan komprehensif lain (Other Comprehensive Income - OCI). Tiada jumlah yang diiktiraf di pendapatan komprehensif lain (OCI) akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi pada tarikh kemudian. Walau bagaimanapun, dividen dari pelaburan itu akan diiktiraf dalam untung atau rugi, daripada pendapatan komprehensif lain (OCI), kecuali jelas ia mewakili sebahagian pemulihan kos pelaburan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti berkenaan dengan entiti yang mana tidak memilih untuk membentang perubahan nilai saksama dalam pendapatan komprehensif lain (OCI) akan diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Piawaian ini memerlukan derivatif yang tersirat di dalam kontrak dengan jumlah besar aset kewangan dalam skop piawaian tidak diasingkan; bahkan hibrid instrumen kewangan dinilai secara keseluruhan yang mana diukur pada kos terlunas atau nilai saksama.

IFRS 9 memperkenalkan keperluan terbaru bagi liabiliti kewangan yang dikhaskan dibawah opsyen nilai saksama yang mana secara amnya membentangkan perubahan nilai saksama yang diagihkan kepada liabiliti risiko kredit dalam pendapatan komprehensif lain (OCI) daripada di dalam untung atau rugi. Selain daripada perubahan ini, IFRS 9 sebahagian besarnya membawa kehadapan tanpa pindaan substantif panduan mengenai klasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan daripada IAS 39.

IFRS 9 juga memperkenalkan model kemerosotan terbaru yang menggantikan model IAS 39 kerugian tertanggung dengan model ramalan kerugian kredit. Dibawah model ramalan kerugian kredit, kejadian kerugian tidak lagi diperlukan untuk terjadi sebelum peruntukan kemerosotan diiktiraf.

Model IFRS 9 ramalan kerugian kredit menggunakan pendekatan pengukuran berkembar. Jika sekiranya risiko kredit aset kewangan tidak meningkat secara signifikan sejak diiktirafkan semasa permulaan, aset kewangan akan diputuskan menjadi elauan kerugian yang bersamaan dengan ramalan kredit selama 12 bulan. Jika sekiranya risiko kredit meningkat secara signifikan, ia akan diputuskan menjadi elauan kerugian bersamaan dengan ramalan kredit selama seumur hidup, dengan itu meningkatkan jumlah kemerosotan yang diiktiraf.

IFRS 9 memperkenalkan keperluan terbaru bagi perakaunan perlindungan ('hedge accounting') yang menyelaraskan perakaunan perlindungan dengan pengurusan risiko. Keperluan ini mewujudkan prinsip-prinsip berdasarkan pendekatan yang lebih untuk melindungi perakaunan dan menyatakan yang tidak konsisten dan kelemahan dalam model perakaunan perlindungan nilai dalam IAS 39.

Tarikh kuatkuasa mandatori bagi IFRS 9 adalah bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan permohonan awal dibenarkan.

Kumpulan sudah memulakan proses bagi menilai kesan potensi bagi piawaian ini.

(ii) **IFRS 14 Penundaan akaun yang dikawal selia**

IFRS 14 telah dikeluarkan untuk meningkatkan kebolehbandingan laporan kewangan oleh entiti yang terlibat dalam aktiviti kadar yang dikawal selia. IFRS 14 membenarkan penggunaan kali pertama IFRS untuk terus mengiktiraf jumlah yang berkaitan dengan kadar yang dikawal selia menurut keperluan “General Accepted Accounting Principles (GAAP)” yang sebelum ini apabila mereka menerima pakai IFRS. Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan kebolehbandingan dengan entiti yang telah menerima pakai IFRS dan tidak mengiktirafkan jumlah tersebut, piawaian memerlukan penundaan baki akaun yang dikawal selia dan pergerakan di dalamnya yang akan dibentangkan sebagai butiran berasingan pada muka penyata kewangan, dibezakan daripada aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf menurut IFRS lain. Entiti yang sudah membentangkan penyata kewangan IFRS tidak perlu untuk menggunakan piawaian ini.

Tarikh berkuatkuasa mandatori IFRS 14 adalah bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan permohonan awal dibenarkan.

Kumpulan telah mula menggunakan dan masih dalam proses menilai kesan potensi piawaian ini.

(iii) **IFRS 15 Pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan**

IASB telah mengeluarkan IFRS 15 Pengiktirafan pendapatan daripada kontrak dengan pelanggan untuk menggantikan IAS 18 Pendapatan, IAS 11 Kontrak Pembinaan, dan tafsiran-tafsiran yang berkaitan. Prinsip-prinsip teras piawaian baru adalah untuk syarikat-syarikat untuk mengiktiraf pendapatan bagi menggambarkan penyerahan barang-barang dan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan pada jumlah yang menunjukkan pertimbangan (iaitu pembayaran) yang mana syarikat itu berharap untuk berhak pada pertukaran barang-barang dan perkhidmatan. Piawaian baru ini juga akan menyebabkan peningkatan pendedahan tentang pendapatan, memberi panduan bagi transaksi yang sebelum ini tidak ditangani secara komprehensif (contohnya, pendapatan perkhidmatan dan pengubahsuaian kontrak) dan meningkatkan panduan untuk urusan pelbagai elemen.

Tarikh berkuatkuasa mandatori IFRS 15 adalah bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, dengan permohonan awal dibenarkan.

Kumpulan telah mula menggunakan dan masih dalam proses menilai kesan potensi piawaian ini.

(iv) **IFRS 16 Pajakan**

IFRS 16 telah dikeluarkan pada Januari 2016 yang menspesifikasi pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan pajakan. Piawaian ini menyediakan model perakaunan pemajak secara tunggal, yang memerlukan pemajak untuk mengiktiraf aset dan liabiliti bagi semua pajakan kecuali tempoh pajakan adalah 12 bulan atau kurang atau aset asas mempunyai nilai yang rendah. Pemberi pajak akan meneruskan untuk mengklasifikasikan pajakan sebagai operasi atau kewangan, dengan pendekatan IFRS 16 kepada perakaunan pemberi pajak yang sebahagian besarnya tidak berubah daripada piawaian yang sebelumnya, IAS 17.

IFRS 16 adalah diapplikasikan kepada laporan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019.

Kumpulan pada masa ini di dalam proses menilai kesan potensi piawaian tersebut.

(v) Pindaan dan penambahbaikan

IASB juga telah memperkenalkan pindaan dan penambahbaikan berikut:

- Pindaan kepada IFRS 11 *Perkiraan Bersama – Pindaan kepada Perakaunan untuk pengambilalihan kepentingan dalam operasi bersama*
- Pindaan kepada IAS 16 dan IAS 38 – *Penjelasan mengenai kaedah susut nilai dan pelunasan yang boleh diterima*
- Pindaan kepada IAS 19 *Pelan manfaat kakitangan – Pindaan berkaitan dengan kadar diskaun: isu pasaran serantau*
- Pindaan kepada IAS 27 – *Kaedah ekuiti di penyata kewangan yang berasingan*
- Pindaan kepada IAS 28 – *Penjualan atau sumbangan aset diantara pelabur dan sekutunya dan usaha sama*
- Penambahbaikan kepada IFRS 5 – *Aset tidak tetap yang dipegang untuk dijual dan operasi yang tidak diteruskan*
- Penambahbaikan kepada IFRS 7 – *Instrumen kewangan: Pendedahan*

Kumpulan masih menilai kesan potensi terimapakai pindaan ini.

(b) Kaedah pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan dibawah konvensyen kos sejarah kecuali bagi instrumen kewangan derivatif, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan aset kewangan yang sedia untuk jualan, yang telah dinilai pada nilai saksama.

(c) Fungsi dan pembentangan matawang

Penyata kewangan dibentangkan dalam Matawang Brunei (B\$), iaitu matawang fungsi Bank dan semua jumlah digenapkan kepada nilai ribu yang terdekat (B\$'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak pengurusan diperlukan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjelaskan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah harta, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Anggaran dan andaian dikaji dari masa ke semasa. Penyemakan anggaran perakaunan adalah diiktiraf didalam penyata kewangan pada tempoh anggaran disemak semula dan tempoh akan datang yang terjejas.

Bidang penting bagi anggaran, keraguan dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam pengendalian dasar perakaunan yang memberikan kesan yang penting dalam menilai jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan seperti yang diterangkan dalam nota berikut:

- Nota 10 – Kemerosotan pembiayaan dan pendahuluan
- Nota 11 – Kemerosotan nilai pelaburan

2.2 Asas penggabungan

Gabungan perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, yang mana tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baru, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama pertimbangan yang dipindahkan; ditambah
- jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diambilalih yang diiktiraf; ditambah
- jika penggabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama bagi kepentingan ekuiti yang sedia ada pada syarikat yang diambilalih; tolak
- jumlah bersih yang diiktiraf (biasanya nilai saksama) bagi aset yang diperolehi dan liabiliti yang dianggap.

Apabila lebihan adalah negatif, keuntungan tawaran pembelian diiktiraf dengan serta-merta di dalam untung atau rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan akan memilih untuk mengukur kepentingan tidak dikawal bagi syarikat yang diambilalih pada nilai saksama atau pada mengikut bahagian aset bersih yang dapat dikenalpasti syarikat yang diambilalih pada tarikh pengambilan.

Kos transaksi, selain daripada yang berkaitan dengan penerbitan sekuriti hutang atau ekuiti, yang berkaitan dengan penggabungan perniagaan akan dikira sebagai perbelanjaan.

Pengambilalihan sebelum 1 Januari 2013

Sebagai bahagian daripada peralihan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) pada tahun 2014, Kumpulan tidak memilih untuk menyatakan semula penggabungan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS), iaitu 1 Januari 2013.

Pengambilalihan kepentingan tidak dikawal

Kumpulan yang menganggap semua perubahan hak milik di dalam anak syarikat yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai transaksi ekuiti diantara Kumpulan dan pemegang kepentingan tidak dikawal. Sebarang perbezaan diantara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan, dan sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, akan diselaraskan pada rizab Kumpulan.

Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Bank. Penyata kewangan anak-anak syarikat dimasukkan di dalam gabungan penyata kewangan dari tarikh dimana kawalan itu bermula hingga berakhir.

Kawalan wujud apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan yang berubah-ubah sejak penglibatannya dengan entiti dan berupaya untuk menjelaskan pulangan melalui kuasa ke atas entiti. Potensi hak mengundi akan dipertimbangkan apabila menilai kawalan hanya apabila hak adalah tetap.

Kumpulan dianggap mempunyai ‘*de facto power*’ keatas penerima pelaburan, walaupun tidak mempunyai hak mengundi majoriti apabila ia ada keupayaan untuk mengarah aktiviti-aktiviti penerima pelaburan yang akan menjelaskan pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan didalam anak-anak syarikat adalah dinyatakan di penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kemerosotan, jika ada. Apabila terdapat tanda kemerosotan, jumlah pelaburan akan dinilai. Penurunan nilai akan dibuat jika jumlah pelaburan lebih daripada jumlah yang dibaikpulih.

Kehilangan kawalan

Apabila hilang kawalan keatas anak-anak syarikat, Kumpulan akan menyahiktirafan aset dan liabiliti anak-anak syarikat, kepentingan tidak dikawal dan komponen ekuiti yang bersangkut paut dengan anak syarikat tersebut. Jika terdapat kos berlebihan atau kekurangan dalam kehilangan kawalan akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika Kumpulan menahan apa-apa faedah di dalam anak-anak syarikat sebelumnya, kepentingan tersebut akan dikira pada nilai saksama pada tarikh kawalan tersebut hilang. Kemudiannya, kos tersebut dimasukkan dalam sumbangan ekuiti pelabur atau aset kewangan yang sedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

Syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti-entiti dimana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan. Pengaruh penting ialah kuasa untuk ikut serta dalam membuat keputusan bagi dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu akan diambil kira dalam penyata kewangan yang digabungkan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian kemerosotan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi. Gabungan penyata kewangan termasuk bahagian untung atau rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, sejajar dengan dasar perakaunan Kumpulan, daripada tarikh pengaruh penting bermula hingga tarikh pengaruh berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan lebih daripada kepentingan di dalam syarikat bersekutu, jumlah kepentingan yang dibawa kehadapan termasuk pelaburan jangka panjang berkang menjadi kosong, dan pengiktirafan kerugian ditamatkan melainkan Kumpulan mempunyai kewajipan atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, kepentingan yang ditahan di syarikat bersekutu yang terdahulu pada tarikh apabila pengaruh penting telah hilang akan diukur pada nilai saksama dan jumlah ini akan dianggap sebagai jumlah permulaan aset kewangan yang dibawa kehadapan. Perbezaan diantara nilai saksama kepentingan yang ditahan dicampur dengan hasil daripada kepentingan yang dilupuskan dan jumlah pelaburan yang dibawa kehadapan pada kaedah ekuiti ditamatkan akan diiktirafkan di dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu menurun akan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh penting, kepentingan yang ditahan tidak akan diukur semula. Untung atau rugi daripada penurunan kepentingan akan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Untung atau rugi yang diiktiraf terdahulu di dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi itu diperlukan untuk diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi pada pelupusan aset dan liabiliti berkenaan.

Di dalam penyata kewangan Bank, pelaburan di syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

Kepentingan tidak dikawal

Kepentingan tidak dikawal pada akhir tempoh laporan, sebagai ekuiti di dalam anak syarikat yang tidak berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pemegang ekuiti Bank, dibentangkan dalam gabungan penyata kedudukan kewangan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Bank. Kepentingan tidak dikawal dalam keputusan Kumpulan dibentangkan di dalam gabungan untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain sebagai pembahagian untung atau rugi dan pendapatan komprehensif bagi tahun diantara kepentingan tidak dikawal dan pemegang ekuiti Bank.

Kerugian bagi kepentingan tidak dikawal di dalam anak-anak syarikat adalah dibahagikan kepada kepentingan tidak dikawal walaupun dengan berbuat demikian kepentingan tidak dikawal akan mempunyai baki defisit.

Transaksi-transaksi yang dihapuskan dalam gabungan

Dalam menyediakan gabungan penyata kewangan, baki dan transaksi antara Kumpulan dan pendapatan dan perbelanjaan yang tidak direalisasi berpunca dari transaksi antara Kumpulan akan dikeluarkan.

Keuntungan yang tidak direalisasi daripada transaksi-transaksi dengan bersekutu akan dikeluarkan bertentangan dengan pelaburan dengan had kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Kerugian yang tidak direalisasi akan dikeluarkan bersamaan dengan keuntungan yang tidak direalisasi tapi hanya jika tiada bukti kemerosotan.

2.3 Matawang asing

Transaksi dan baki matawang asing

Dalam penyediaan penyata kewangan setiap entiti, transaksi matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsi entiti masing-masing pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti yang didenominasi oleh matawang asing adalah diterjemahkan semula kepada matawang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Untung atau rugi matawang asing pada perkara-perkara monetari adalah perbezaan diantara kos terlunas pada matawang fungsi pada permulaan tahun, diselaraskan untuk kadar hasil efektif dan pembayaran pada tahun itu, dan kos terlunas pada matawang asing akan diterjemahkan pada kadar pertukaran spot pada akhir tahun.

Aset dan liabiliti yang bukan monetari yang didenominasikan dalam matawang asing tidak akan diterjemahkan semula pada akhir tarikh laporan, kecuali bagi yang telah diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada matawang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama telah ditetapkan.

Perbezaan matawang asing disebabkan oleh penterjemahan semula akan diiktiraf di dalam untung atau rugi, kecuali untuk perbezaan disebabkan dari penterjemahan semula instrumen ekuiti sedia untuk jualan yang akan diiktiraf di pendapatan komprehensif lain.

2.4 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai dalam tangan, baki-baki dengan Bank dan institusi kewangan yang lain dan dana jangka pendek dan penempatan antara Bank dengan kematangan tidak melebihi dari tiga bulan.

2.5 Instrumen kewangan

Pengiktirafan

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan atau Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama dicampur, yang mana bagi instrumen kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang berpunca dari pengambilalihan atau penerbitan instrumen kewangan.

Kumpulan dan Bank mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Pembiayaan dan pembayaran yang belum diterima

Pembiayaan dan pembayaran yang belum diterima adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Aset-aset kewangan ini seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif, ditolak sebarang kerugian kemerosotan.

(b) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah samada:

(i) Dipegang untuk dagangan

Aset kewangan yang diperolehi atau didapati terutamanya untuk jualan atau pembelian semula pada tempoh terdekat atau ia adalah sebahagian daripada portfolio yang diuruskan bersama dan yang mana terdapat bukti sebenar terkini mengenai pengambilan keuntungan secara jangka pendek; atau

(ii) Ditetapkan di bawah opsyen nilai kadar saksama

Aset-aset kewangan memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria selepas penetapannya:

- ia menghapuskan atau mengurangkan ukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang akan timbul daripada pengukuran aset kewangan, atau pengiktirafan keuntungan atau kerugian ke atasnya, menggunakan asas yang berlainan; atau
- aset kewangan yang mengandungi derivatif terbenam yang perlu direkodkan secara berasingan.

Aset-aset kewangan ini seterusnya diukur pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Aset kewangan yang dipegang hingga matang

Aset-aset kewangan yang dipegang hingga matang adalah aset kewangan yang bukan derivatif dengan bayaran tetap atau ditentukan dan tempoh matang tetap yang mana Kumpulan mempunyai tujuan dan kemampuan positif untuk memegangnya sehingga matang. Aset-aset kewangan ini seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif ditolak sebarang kerugian kemerosotan.

Sebarang jualan atau klasifikasi semula dalam jumlah yang besar bagi aset kewangan yang dipegang hingga matang tetapi belum menghampiri tempoh matang akan menghasilkan klasifikasi semula kesemua aset kewangan yang dipegang sehingga matang menjadi aset kewangan sedia untuk jualan dan Bank akan dihalang daripada mengklasifikasi sebarang aset kewangan yang dipegang hingga matang bagi tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan seterusnya. Walaubagaimanapun, jualan dan klasifikasi semula pada keadaan-keadaan berikut tidak akan menyebabkan klasifikasi semula:

- jualan atau klasifikasi semula bagi dekat dengan tempoh matang yang mana perubahan kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan pada nilai saksama aset kewangan tersebut;
- jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan telah mengumpul sebahagian besar modal asal aset tersebut; dan
- jualan atau klasifikasi semula yang berpunca daripada kejadian yang tidak berulang yang diluar kawalan Kumpulan yang juga luar dari jangkaan.

(d) Aset kewangan sedia untuk jualan

Aset kewangan sedia untuk jualan adalah aset kewangan yang samada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain dan diukur pada nilai saksama. Ia termasuk instrumen ekuiti, pelaburan dana dan pasaran wang, dan instrumen hutang.

Nilai saksama bagi pelaburan disebut harga yang diperolehi daripada harga bid pasaran. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai.

Sebarang keuntungan atau kerugian yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama adalah diiktiraf dalam rizab nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian kemerosotan dan untung dan rugi pertukaran asing yang berpunca daripada butiran monetari yang diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Semasa penyahiktirafan atau pelupusan, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti ke untung atau rugi yang mana Kumpulan dan Bank memegang lebih daripada satu pelaburan bagi sekuriti yang sama ia akan dilupuskan secara asas pertama-masuk-pertama-keluar (*first-in-first-out basis*). Keuntungan dikira bagi hutang instrumen hutang menggunakan kaedah keuntungan efektif diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan yang diperolehi semasa memegang pelaburan sedia untuk jualan dilaporkan sebagai pendapatan. Dividen yang diperolehi diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila hak pembayaran itu diwujudkan.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah tertakluk kepada kaji semula kemerosotan. Lihat nota 2.10 Kemerosotan nilai.

Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan dan Bank memegang instrumen kewangan derivatif bagi melindungi nilai matawang asing dan pendedahan kadar keuntungannya.

Kedudukan dagangan pertukaran asing, termasuk kontrak spot dan hadapan, dinilai semula pada kadar pasaran lazim pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan keuntungan dan kerugian bagi tahun kewangan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak hos dan dilaporkan sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak dan hos kontrak hos ekonomi tidak dikategorikan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Kontrak hos, dalam kes dimana derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, dilaporkan sejajar dengan dasar yang berkenaan dengan sifat-sifat kontrak hos.

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan diukur seterusnya pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

Nilai saksama melalui kategori untung atau rugi terdiri daripada liabiliti kewangan yang derivatif atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini apabila pengiktirafan permulaan.

Derivatif yang dikaitkan dengan dan perlu diselesaikan oleh penghantaran instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga yang disebut harga dalam pasaran aktif bagi instrumen serupa yang nilai saksama sebaliknya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi adalah diukur seterusnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan pengeluar kontrak untuk membuat bayaran khusus bagi membayar balik kepada pemegang kerugian yang dialami akibat penghutang tertentu gagal membuat bayaran pada masanya menurut terma-terma instrumen hutang yang asli atau telah diubahsuai.

Nilai saksama datangnya daripada kontrak jaminan kewangan adalah diklasifikasi sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan pada untung atau rugi dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas tempoh kontrak atau, apabila tidak ada tempoh kontrak tertentu, diiktiraf di untung atau rugi apabila jaminan dilepaskan. Apabila penyelesaian kontrak jaminan kewangan menjadi berkemungkinan, anggaran kewajipan dibuat. Jika nilai dibawa kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada kewajipan, nilai dibawa diselaraskan kepada jumlah kewajipan dan diambil kira sebagai peruntukan.

Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan di pasaran aktif (seperti sekuriti dan derivatif atas kaunter) adalah berdasarkan pada harga pasaran disebut harga pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang diperolehi daripada harga pasaran. Bagi instrumen kewangan tidak disebut harga, nilai saksama ditentukan menggunakan teknik penilaian. Ini termasuk penggunaan urusniaga tulus terkini, rujukan kepada instrumen lain yang secara amnya adalah sama analisa aliran tunai berdiskaun dan model penentuan harga opsyen.

Klasifikasi semula aset kewangan

Aset kewangan bukan derivatif yang dipegang untuk dagangan boleh diklasifikasi semula sekiranya aset kewangan tersebut tidak lagi dipegang untuk tujuan dijual dalam jangkamasa terdekat. Sebagai tambahan, aset kewangan yang memenuhi takrif pembiayaan dan belum diterima boleh diklasifikasi semula di luar kategori dipegang untuk dagangan atau sedia untuk dijual sekiranya Kumpulan mempunyai tujuan dan kemampuan untuk memegang aset kewangan tersebut untuk masa hadapan atau sehingga tarikh klasifikasi semula.

Klasifikasi semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh klasifikasi semula. Nilai saksama menjadi kos baru atau kos terlunas di mana berkenaan, dan tiada pembalikan keuntungan atau kerugian nilai saksama direkodkan sebelum tarikh klasifikasi semula. Kadar keuntungan efektif bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula sebagai pembiayaan dan pembayaran belum diterima serta kategori dipegang hingga matang adalah ditentukan pada tarikh klasifikasi semula. Peningkatan lanjut dalam anggaran aliran tunai melaraskan kadar keuntungan efektif secara prospektif.

Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan tersebut luput atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara jumlah dibawa dan jumlah pertimbangan yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh ditolak sebarang liabiliti baru) dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sesuatu liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, tanggungan yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara jumlah bawaan liabiliti kewangan tersebut dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diperolehi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pengimbangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dibentangkan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan mempunyai hak undang-undang untuk mengimbangkan jumlah dan ia bertujuan untuk meyelesaikan mereka pada asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan meyelesaikan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan adalah dibentangkan pada asas bersih hanya apabila dibenarkan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), atau bagi keuntungan dan kerugian yang timbul berpuncu daripada sekumpulan transaksi yang sama seperti dalam aktiviti perniagaan Kumpulan.

2.6 Hartanah dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan pengukuran

Item harta tanah dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai yang terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berlaku secara langsung akibat pemerolehan aset dan sebarang kos lain yang berlaku secara langsung akibat pembawaan aset untuk berfungsi bagi tujuan penggunaannya, serta kos membuka dan mengalihkan item tersebut dan memulihkan tapak di mana ia terletak. Kos aset bina sendiri juga adalah termasuk kos bahan-bahan dan tenaga buruh. Bagi aset yang berkelayakan, kos pinjaman dimodalkan sejajar dengan dasar perakaunan berkaitan kos pinjaman. Kos juga merangkumi pemindahan daripada ekuiti keuntungan atau kerugian di atas lindung nilai aliran tunai berkelayakan bagi pembelian matawang asing harta tanah dan peralatan.

Pembelian perisian yang penting untuk fungsi peralatan yang berkaitan dimodalkan sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian-bahagian penting sesuatu item harta tanah dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dijelaskan sebagai item berasingan (komponen penting) harta tanah dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian keatas pelupusan sesuatu item harta tanah dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil kutipan daripada pelupusan dengan jumlah bawaan harta tanah dan peralatan dan masing-masing diiktiraf dalam “pendapatan lain” dan “perbelanjaan lain” dalam untung atau rugi.

(b) Kos berikutna

Kos menggantikan sesuatu komponen item daripada harta tanah dan peralatan diiktiraf dalam jumlah bawaan item tersebut hanya apabila ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terangkum dalam komponen tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan atau Syarikat, dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Jumlah yang dibawa komponen yang digantikan adalah dinyahiktiraf kepada untung atau rugi. Kos penyelenggaraan harian bagi harta tanah dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia berlaku.

(c) Susut nilai

Susut nilai ditentukan berdasarkan kos aset ditolak nilai bakinya. Komponen-komponen penting aset-aset berasingan dinilai, dan jika sesuatu komponen memiliki hayat berguna yang berbeza daripada baki aset tersebut, maka komponen itu disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus ke atas anggaran hayat berguna setiap komponen item harta tanah dan peralatan.

Aset-aset dipajak disusut nilai pada tempoh pajakan dan jangka hayat terpendek kecuali ada kepastian munasabah bahawa Kumpulan dan Bank akan memperoleh pemilikan pada akhir tempoh pajakan. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Hartanah dan peralatan dalam proses pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset-aset tersebut sedia untuk digunakan.

Anggaran hayat penggunaan bagi tempoh semasa adalah seperti berikut:

• Pajakan bangunan	Sepanjang tempoh pajakan dan tidak lebih daripada 10 tahun
• Peralatan, perabot dan kelengkapan	3-5 tahun
• Kenderaan bermotor	7 tahun
• Kapa	20 tahun
• Dok kering kapal	4 tahun

Kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai baki adalah dinilai semula pada akhir tempoh laporan.

2.7 Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang samada untuk menjanakan pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam urusan perniagaan biasa, digunakan dalam pembekalan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Kumpulan memegang pelaburan hartanah yang telah diperolehi melalui penguatkuasaan jaminan atas pembiayaan dan pendahuluan. Pelaburan hartanah pada mulanya dinilai pada kos dan seterusnya pada kos ditolak kemerosotan dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penjualan hartanah pelaburan (dikira sebagai perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa item) diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila penggunaan hartanah berubah seperti yang ia dikelaskan yang mana diklasifikan semula sebagai hartanah dan peralatan, nilai saksamanya pada tarikh klasifikasi semula menjadi kos untuk perakaunan seterusnya.

Susut nilai keatas hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi 49 tahun.

2.8 Aset pajakan– pajakan operasi

Pajakan yang mana Kumpulan atau Bank tidak mengambil sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikannya adalah diklasifikasi sebagai pajakan operasi dan, aset pajakan tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf di dalam untung atau rugi pada asas garis lurus selama tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima adalah diiktiraf di dalam untung atau rugi sebagai bahagian penting daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pajakan, selama tempoh pajakan.

Tanah pegangan pajakan yang secara asasnya adalah pajakan operasi diklasifikasikan sebagai pembayaran pajakan yang dibayar terlebih dahulu.

2.9 Kemerosotan

Aset kewangan

Kumpulan dan Bank menaksir pada setiap tarikh laporan samada terdapat bukti objektif bahawa pembiayaan dan bayaran yang belum diterima, aset-aset kewangan dipegang hingga matang atau aset-aset kewangan sedia untuk dijual mengalami kemerosotan. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan adalah merosot dan kerugian kemerosotan berlaku jika dan hanya jika, terdapat bukti objektif berlakunya kemerosotan ekoran satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset-aset tersebut dan sebelum tarikh laporan (“peristiwa kerugian”) dan peristiwa atau peristiwa-peristiwa kerugian tersebut mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terbabit.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank untuk menentukan terdapatnya bukti objektif kerugian kemerosotan adalah termasuk:

- (i) kesukaran kewangan ketara bagi pengeluar atau penanggung obligasi;
- (ii) penstrukturran semula jumlah yang hendak dibayar kepada Kumpulan atas terma bahawa Kumpulan tidak akan mempertimbangkan sebaliknya;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mengalami kemufusan atau penyusunan semula kewangan;
- (iv) perubahan bertentangan pada status pembayaran peminjam atau pengeluar dalam Kumpulan;
- (v) keadaan ekonomi yang berkorelasi dengan keingkaran membayar; atau
- (vi) kehilangan pasaran aktif bagi sekuriti.

Pembiayaan diklasifikasikan sebagai merosot apabila terdapat bukti objektif kemerosotan. Bukti objektif kemerosotan termasuk kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam, pelanggaran kontrak atau keingkaran dalam pembayaran keuntungan atau bayaran pokok.

Bagi pembiayaan dan bayaran yang belum diterima, Kumpulan dan Bank terlebih dahulu menilai sama ada bukti objektif kemerosotan wujud secara individu bagi pembiayaan dan bayaran yang belum diterima yang signifikan secara individu, dan kolektif bagi pembiayaan dan pembayaran belum diterima yang tidak signifikan secara individu. Jika Kumpulan dan Bank menentukan bahawa tidak ada bukti objektif kemerosotan wujud bagi pembiayaan yang dinilai secara individu dan belum diterima, sama ada signifikan atau tidak, ia termasuk aset dalam sekumpulan pembiayaan dan bayaran yang belum diterima dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan secara kolektif menilai mereka untuk kemerosotan. Pembiayaan dan bayaran yang belum diterima yang dinilai secara individu untuk kemerosotan dan adanya kerugian kemerosotan nilai akan berterusan diiktiraf dan tidak termasuk dalam penilaian kolektif untuk kemerosotan.

Jumlah kerugian kemerosotan diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif asal aset. Jumlah kerugian yang diiktiraf menggunakan akaun peruntukan dan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Menurut kesesuaian, pengiraan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan pembiayaan yang bercagar mencerminkan aliran tunai yang boleh dihasilkan dari perampasan tolak kos mendapatkan dan menjual cagaran, samada atau tidak perampasan yang mungkin terjadi.

Bagi tujuan penilaian kolektif kemerosotan, pembiayaan dan bayaran yang belum diterima dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko yang serupa, dengan mengambil kira jenis aset, industri, lokasi geografi, jenis cagaran, status lewat tempoh dan faktor-faktor lain yang berkaitan. Ciri-ciri ini yang berkaitan dengan anggaran aliran tunai masa hadapan untuk kumpulan aset tersebut dengan menjadi petunjuk bagi kemampuan rakan niaga untuk membayar semua jumlah yang terhutang mengikut syarat kontrak aset yang dinilai.

Aliran tunai masa hadapan bagi sekumpulan pembiayaan dan belum diterima yang dinilai secara kolektif untuk mengesahkan kemerosotan adalah berasaskan aliran tunai kontrak bagi aset-aset dalam kumpulan tersebut dan pengalaman kerugian sejarah bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa dengan yang terdapat dalam kumpulan terbabit. Pengalaman kerugian diselaraskan berasaskan data semasa boleh pantau bagi mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak menjelaskan tempoh di mana pengalaman kerugian sejarah didasarkan dan mengalihkan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud pada masa ini.

Apabila sesuatu pembiayaan tidak dapat dikutip semula, ia dihapus kira bagi berkaitan untuk kemerosotan. Pembiayaan tersebut dihapus kira selepas semua prosedur yang berkenaan selesai dari jumlah kerugian telah ditentukan. Perolehan semula jumlah yang sebelum ini dihapus kira kemudiannya dikreditkan ke dalam untung atau rugi.

Jika, dalam tempoh selanjutnya, jumlah kerugian kemerosotan berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan tersebut diiktiraf, kerugian kemerosotan yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan dengan melaraskan peruntukan bagi akaun kemerosotan. Jumlah pembalikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Dalam kes sekuriti ekuiti sedia untuk jualan, susut nilai ketara atau berlanjutan dalam nilai saksama sekuriti tersebut juga dipertimbangkan dalam menentukan sama ada kemerosotan wujud. Apabila bukti mengenainya wujud, kerugian bersih terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuti sebelum ini dialihkan daripada ekuit dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dalam kes instrumen hutang yang klasifikasikan sebagai sedia untuk jualan, kemerosotan ditaksir berdasarkan kriteria yang sama seperti semua aset kewangan lain. Pembalikan kemerosotan instrumen hutang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Pembalikan kemerosotan saham ekuiti yang tidak diiktiraf dalam untung atau rugi, peningkatan dalam nilai saksama saham ekuiti selepas kemerosotan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset bukan kewangan

Jumlah bawaan bagi aset-aset lain disemak pada penghujung setiap tempoh laporan bagi menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Sekiranya tanda-tanda tersebut wujud, jumlah boleh diperoleh semula bagi aset-aset tersebut dianggarkan.

Untuk ujian kemerosotan, aset dikumpulkan semua menjadi kumpulan kecil yang menjana kemasukan tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada kemasukan tunai aset lain atau unit penghasilan tunai (Cash Generating Unit – CGUs). Muhibah yang datangnya dari penggabungan perniagaan diperuntukkan ke CGUs atau Kumpulan CGUs yang dijangkakan untuk memberi manfaat daripada panduan tenaga gabungan tersebut.

Jumlah boleh diperoleh semula sesuatu aset ialah nilai gunanya yang tertinggi dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai terkininya menggunakan kadar diskoun pra-cukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset tersebut.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sekiranya jumlah bawaan sesuatu aset melebihi jumlah boleh diperoleh semula. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kerugian kemerosotan diiktiraf pada tempoh terdahulu adalah ditaksir pada setiap tarikh laporan untuk meninjau tanda-tanda samada kerugian tersebut telah berkurangan atau tidak wujud lagi. Kerugian kemerosotan hanya dipulihkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh semula. Kerugian kemerosotan hanya dipulihkan sehingga tahap di mana jumlah bawaan aset tidak melebihi jumlah bawaan yang sepatutnya ditentukan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kemerosotan telah diiktiraf. Pemulihan kerugian kemerosotan dikreditkan ke dalam untung atau rugi pada tahun di mana pemulihan tersebut diiktiraf.

2.10 Deposit, pembiayaan dan liabiliti-liabiliti lain

Deposit dan pembiayaan adalah sumber bagi pembiayaan bagi Kumpulan.

Apabila Kumpulan menjual aset kewangan dan pada masa yang sama membuat suatu perjanjian untuk membeli semula aset tersebut (atau aset yang serupa) pada harga tetap pada tarikh hadapan (perjanjian jual beli semula), pengaturan yang diambil kira sebagai deposit, dan atas aset terus diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan.

